


Buletin UniSZA

ISSN 2180-0235 | DISEMBER 2015 | BIL.17



UniSZA - DBP Rintis Dimensi Baharu

Pengurusan Tertinggi

Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim
Naib Canselor

Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Pembangunan)

Prof. Dr. Nik Wan Omar
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Madya Nordin Jusoh
Pendaftar

Prof. Madya Ariza Ibrahim
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas
Penasihat Undang-undang

Ir. Mohd Yasim A. Ghani
Pengaruh Jabatan Pengurusan Pembangunan

Sidang Pengarang

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Penerbit UniSZA

Dr. Bahyah Abdul Halim
Penerbit UniSZA

Dr. Muhamad Fazil Ahmad
Fakulti Sains Sosial Gunaan

Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

En. Cornelius Anuar Abdullah McAfee
Unit Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

En. Mohd Shahrizal Nasir
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Zarizal Suhaili
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

Pn. Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA

En. Mohamad Shahrir Abdul Hamid
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff
Jurufoto
Unit Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

Cik Nurul Aizam Ab Rahim
Setiausaha
Penerbit UniSZA

Sumber dan Penyumbang Bahan

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan)
3. Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
4. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
5. Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan
6. Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi
7. Fakulti Perubatan
8. Fakulti Informatik dan Komputeran
9. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
10. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
11. Fakulti Sains Kesihatan
12. Kolej Kediaman Kampus Gong Badak
13. Pusat Kualiti Akademik dan e-Pembelajaran
14. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam
15. Pejabat Pendaftar
16. Pejabat Penolong Naib Canselor
17. Perpustakaan UniSZA
18. Penerbit UniSZA
19. Pusat Pengajian Siswazah
20. Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
21. Pusat Sukan dan Rekreasi
22. Pusat Islam
23. Unit Komunikasi Korporat dan Antarabangsa
24. Unit Audit Dalam
25. Prof. Madya Dr. Rahmah Mohd Amin, Pensyarah FP
26. Pn. Azlini Chik, Pensyarah FSSG
27. En. Zarizal Suhaili, Pensyarah FBIM

Hak Cipta Terpelihara © 2015. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2015

Pengarah, Penerbit UniSZA,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu,
Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-668 8774/8775 Faks: 09-668 7867

Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



...an ... Island ... 109

the leaders are ... ability that the ... geographical

... administration has ... in the rural ... this new ... In addition ... formed smaller ... of the village ... head are ... selection and ... this system ... are chosen on ... of the Han

... the traditional ... coexistence ... the traditional ... new leadership

... leaders are often ... factors do not ... there ... with regard ... and the ...

MAJLIS
M...
DAN
TOURIS

Kandungan	
Utama	4
Malim Sarjana	6
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	8
Tokoh	17
Rencana	20
Pencapaian	26
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	39
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	43
Sukan dan Ko-Kurikulum	51



MoU UniSZA-DBP dan Pelancaran Buku *Tourism Development and Community Change*

Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim dan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Dr. Hj. Awang Sariyan, telah mengukir sejarah dalam konteks penyanjungan kerjasama ilmu dan bahasa apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) UniSZA-DBP pada 22 November 2015 bertempat di Dewan Perdana, UniSZA. Saksi pemeteraian MoU UniSZA-DBP ini ialah Pengarah Penerbit UniSZA, Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dan Pengarah DBP Wilayah Timur, Puan Hajah Che Zainab Omar.

MoU UniSZA-DBP ini diadakan bertujuan untuk menjalin hubungan kerjasama antara UniSZA dengan DBP terutama dalam skop penerbitan dan perkongsian pintar, memperkasa efisiensi warga kerja Penerbit UniSZA dari aspek perolehan dan penerbitan karya ilmiah seperti yang diamalkan DBP serta meningkatkan kualiti bahan terbitan ahli akademik UniSZA dengan bimbingan DBP.

Antara cadangan pengisian rangkaian kerja dan aktiviti UniSZA dan DBP:

Bahasa

- Forum bahasa yang melibatkan pelajar UniSZA.
- Ziarah bahasa oleh Ketua Pengarah DBP ke UniSZA.
- Pertandingan pidato sempena Bulan Bahasa Kebangsaan.
- Syarahan perdana sempena Bulan Bahasa Kebangsaan.

Penerbitan

- Bengkel Perolehan dan Pemurnian Manuskrip.
- Pelancaran buku terbitan DBP yang ditulis oleh pensyarah atau penulis UniSZA.

- Bicara buku terbitan DBP yang ditulis oleh pensyarah atau penulis UniSZA.
- Penerbitan bersama antara DBP dengan UniSZA.
- Pertandingan penulisan buku umum/buku ilmiah/buku kreatif/buku kanak-kanak.

Sastera

- Deklamasi puisi/pantun/sajak oleh kakitangan/pensyarah/pelajar UniSZA.
- Bengkel drama/teater untuk kakitangan/pensyarah/pelajar UniSZA.
- Pesta pantun sempena Bulan Bahasa Kebangsaan.

Latihan

- Penempatan pelajar UniSZA di DBP.
- Penempatan pegawai DBP di UniSZA.
- Kursus bahasa/sastera/penerbitan di DBP.

Penyelidikan

- Penyelidikan korpus bahasa/korpus sastera/manuskrip lama di DBP.
- Membuat rujukan buku dan sumber lain di Pusat Dokumentasi Melayu DBP.
- Penyelidikan oleh pihak DBP di UniSZA berkaitan bahasa, sastera, dan hal-hal keagamaan.

Pemasaran

- Promosi dan pemasaran buku-buku terbitan Penerbit UniSZA di koperasi DBP dan pengedar buku DBP di seluruh negara.

Naib Canselor UniSZA dalam ucapan aluannya menekankan bahawa pendidikan tidak dapat dipisahkan daripada penerbitan buku kerana kesinambungan dan kelestarian sesebuah gagasan ilmu itu sering dikaitkan dengan sejauh mana ia didokumentasikan dan diterbitkan. Beliau selaku peneraju institusi pendidikan tinggi sentiasa meletakkan penerbitan ilmiah sebagai agenda utamanya.

“Menyedari kepentingan penerbitan bersifat ilmiah dalam memekarkan budaya ilmu di Universiti Awam, UniSZA mengorak langkah dengan mengadakan perkongsian pintar bersama DBP. Umum mengetahui kredibiliti dan pengalaman DBP dalam menerajui industri perbukuan negara memartabatkan bahasa Melayu tidak boleh dipertikaikan. Justeru, UniSZA tidak melepaskan peluang untuk memeterai memorandum persefahaman dengan DBP”, katanya.

Beliau turut menjelaskan, “Penerbit UniSZA, telah menunjukkan perkembangan penerbitan yang sangat positif. Dari segi jumlah penerbitan buku bersifat ilmiah, Penerbit UniSZA telah mencatatkan peningkatan yang membanggakan. Daripada lima buah buku yang dihasilkan pada tahun 2012, bilangan ini terus meningkat kepada 21 buah buku pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak 162.5 peratus berbanding tahun sebelumnya”.

Ketua Pengarah DBP pula telah menyentuh tentang sejarah awal penubuhan DBP dalam ucapan balasnya. Beliau menyebut, “Dewan Bahasa dan Pustaka berperanan sebagai perintis dalam dunia penerbitan buku di Malaysia bermula daripada penggubalan Akta DBP 1959 (Pindaan 1978) yang memperuntukkan mandat kepada DBP untuk mencetak atau menerbitkan atau membantu usaha percetakan atau penerbitan buku, majalah, risalah dan bentuk persuratan lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain. Buku terjemahan pertama berjudul Anak Raja dengan Anak Papa (1958, terjemahan Za'ba), yang diterbitkan ketika DBP masih beroperasi di Jalan Young, Kuala Lumpur, menjadi asas yang signifikan untuk DBP melunaskan amanah yang dipertanggungjawabkan, sekali gus menyediakan rintisan untuk mencorak dunia penerbitan di Malaysia bagi membangun tamadun bangsa”.

“Bagi menterjemah dan merealisasikan aspirasi negara ke arah mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020 melalui penerbitan buku, pihak DBP secara proaktif telah memperkenalkan Program Penerbitan Berpakej. Sehingga kini, pencapaian program ini telah merentasi 103



bidang ilmu merangkumi pengajian tinggi, masyarakat umum, remaja dan kanak-kanak. Program yang disifatkan merentas dua arah ini meliputi bidang ilmu, genre atau bentuk buku dan merentas pelbagai lapisan masyarakat”, jelas beliau lagi.


Beliau amat berbesar hati dengan pemeteraian MoU antara UniSZA dengan DBP yang juga merupakan salah satu cabang penerbitan bersama pihak luar khususnya Universiti Awam dalam menyebarkan bahan terbitan DBP ke bentuk penerbitan derivatif yang lain. Pihak DBP juga berharap agar UniSZA dan DBP meneruskan sinergi penerbitan karya bukan sahaja dalam bahasa Melayu malahan bahasa utama dunia agar faedah yang diperolehi akan meletakkan bahan terbitan Malaysia dapat dibaca dan disebarluaskan seantero dunia.

Majlis ini telah disempurnakan dengan acara menandatangani MoU antara UniSZA dengan DBP, diikuti dengan pelancaran buku oleh Datuk Dr. Hj. Awang Sariyan berjudul *Tourism Development and Community Change* hasil karya Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim. Buku yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris daripada buku asal berjudul

Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti oleh Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim terbitan Penerbit UniSZA ini disifatkan beliau sebagai sangat menarik. Buku ini menceritakan hubungan kait antara pembangunan yang berlaku di satu kawasan yang secara langsung memberikan impak ketara kepada tatacara hidup komuniti asal terutamanya negeri Terengganu. Pembangunan pelancongan negeri Terengganu mempunyai reputasi yang tinggi malah dikurniakan dengan kecantikan alam semula jadi seperti pantai dan pulau-pulau indah menjadi tunjang utama dalam mengubah landskap ekonomi masyarakat di kawasan terlibat bagi menjana pendapatan yang lumayan kepada negeri amnya dan negara secara khasnya.

Majlis seterusnya telah diserikan dengan tayangan montaj dan penyampaian cenderahati daripada kedua-dua belah pihak. Semasa majlis penutup, Naib Canselor UniSZA telah mengiringi Ketua Pengarah DBP mengunjungi ruangan pameran untuk melihat aktiviti penyelidikan dan penerbitan UniSZA. Pameran tersebut telah dijayakan oleh CRIM, FSTK, Penerbit UniSZA dan Ujana dari DBP.





Book Review

Tourism Development and Community Change

By: Cornelius Anuar McAfee, UKKA

Tourism has played an important role in the Malaysian economy for decades. This is especially true in Terengganu, where the state government has set the target of tourism revenue becoming the number-two income generator in the near future. Tourism development often focuses on the infrastructure needed to entice travellers to visit and enjoy certain areas. Governments often concentrate on development projects such as the construction of hotels and roads that serve to facilitate tourism. While necessary and important, infrastructure is only part of the equation. Tourism is about people and communities, and if tourism is to become the second largest income generator for the people of Terengganu, the people must also be a part of the process right from the beginning, the earliest planning stage.

The book *Tourism Development and Community Change* deals with this directly by examining both the positive and negative impact tourism development has

had on local communities, particularly in Terengganu. Written by Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim, professor of development studies and Vice Chancellor of Universiti Sultan Zainal Abidin, the book was first available in 2001, with an English jointly edition published in 2015 by Penerbit UniSZA and Dewan Bahasa dan Pustaka.

The book is an academic yet accessible look at the main effects tourism development has on local communities. The book pays special attention to the fishing community on Redang Island, Terengganu, and looks at what impact international tourism has brought them.

The book is divided into six chapters the first of which introduces the reader to the concept of community and tourism. Many previous studies related to tourism and island communities in particular are cited, stressing that changes brought by tourism to the local community are much more encompassing than the initial physical infrastructure provided. Both positive

and negative impacts can occur in the socioeconomic, cultural and physical context.

The discussion then moves on to look closely at tourism as it relates to the context of development. Much of the information here focuses on Malaysia in general, painting a picture of the overall tourism industry in the country. Cultural assets are portrayed as playing an important role in the Malaysian tourism industry. Traditional markets and cultural festivals all serve to attract visitors interested in a genuine experience in a foreign land. However, the issue of culture moves in two directions. It is pointed out that especially in rural island communities, a large influx of foreigners, and their interaction with the local community through the tourism industry, can threaten both material and non-material culture. The chapter also details the economic aspects of tourism in Malaysia, showing us that over the past 20 years there has been a consistent increase in both the number of tourist arrivals and revenue generated. One might be led to think that only those involved directly in the tourism industry benefit. However, positive effects are also shared with hoteliers and handicraft producers, among others, as the industry grows.

The next chapter is a study of the local community at Redang Island itself. We are presented with the results of extensive fieldwork and research with the islanders to the point that we feel we know them intimately. The author details the history of the island community and shares with us their population break down, their economic resources and level of private ownership as well as a detailed look at their exposure to education. The socio-cultural practices on the island are also covered, with sections on family and kinship, religion and customs, politics and leadership and the general social welfare of the people. Well-researched and informative, readers will feel as if they know the community in every detail. The author stresses that the locals of Redang Island want development and improvement for themselves, but that owing to the limited capacity and effort of the government, the islanders are not benefiting as much as they could from the tourism industry. That they are in fact marginalised, and may continue to live with hardship, threatened by the tourism development they originally sought.

Chapter four looks in detail at the development process on the island and the impact it has had on the community. The reader follows the stories of several villagers, some who have benefited and succeeded, and others who are merely employed in the industry, and receive no other benefits beyond their salary. The chapter concludes by stating that the aim of the Terengganu government to have Redang Island a world-class tourist destination has been achieved. Redang is well known for its beautiful beaches and resorts and visitor arrivals are constantly increasing. However, the aim to have the community closely involved in this success needs more work. While six individual case studies presented show success at many levels, the larger community still needs more integration with the now flourishing tourism industry on their island.

Chapter five explores this further by looking at the impact development has had on the community and the changes it has brought. The author explores this by looking at three key factors, economic, social and environmental. It is stressed that for any project on the island to be sustainable, the local community must be involved right from the beginning, at the planning stage. Through case studies presented, we learn more about what motivates the community members to become more integrated into the tourism sector, and we also learn what holds others back from shifting from their traditional fishing based livelihood. A detailed study of the community as it relates to economic, socio-cultural, socio-physical and environmental change is presented allowing the reader to understand more completely what is involved when working to integrate a traditional community with an international development project.

Finally, it is argued that the changes tourism has brought to the islanders are positive yet subtle. And that further integration must take place if the locals are to reap the benefits available, and this in turn will lift many out of poverty. While the islanders are interested in participating in the tourism industry, they will need support in the form of training which will allow them to better compete with the already well established international businesses operating on Redang Island. Here rural development agencies can play a key role in exposing, motivating, and training locals to take advantage of the benefits tourism brings. Such training would help to inspire a generation of entrepreneurs which in turn would serve to better integrate the community, resulting in truly sustainable development benefiting all.

Clearly written, well researched and presented, this work is full of detailed information that can serve as a reference to those wanting to know more about the impact, both positive and negative, tourism projects have on local rural communities. The book, available in English, will serve to inform outsiders of the benefits and drawbacks experienced by the Redang Islanders when international interests moved in to develop their home. This valuable work should serve to guide state officials and tourism industry interests and call their attention to the fact that the local community is a very important factor in the tourism development process. Reminding us that the community's integration at every level of the development process is crucial. With much more emphasis now being placed on this industry, the recommendations presented in *Tourism Development and Community Change*, if followed, will work to enhance any future projects and lend to their success for both the industry and the community.



Buku Lambang Kesarjanaan

Buku merupakan terjemahan gagasan ilmu dan lambang kesjarjanaan seseorang pensyarah di menara gading. Swadaya institusi pendidikan tinggi dan kejauharian tenaga akademiknya sering dikaitkan dengan buku ilmiah. Hasrat ini cuba dimanifestasikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan) apabila memperuntukkan sejumlah dana khas demi memartabatkan kesjarjanaan pensyarah dan menjadi nadi kedinamikan pendidik dengan menghasilkan buku ilmiah.

Pemberian dana khas ini telah merencanakan aktiviti penerbitan buku apabila beberapa fakulti dan kluster mula mengorak langkah dengan menganjurkan bengkel penulisan buku ilmiah. Pada 6 Oktober 2015, Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Sains Pengurusan (FEPSP) dengan kerjasama Kluster Sains Pengurusan telah mengadakan Bengkel Penyelidikan: Penulisan Bab di dalam Buku di Duyong Marina Resort, Pulau Duyong. Bengkel yang disertai oleh

35 orang tenaga akademik ini telah berjaya menghasilkan sebanyak 47 draf bab yang akan dimuatkan di dalam empat buku. Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) juga tidak ketinggalan dalam memeriahkan aktiviti penulisan buku apabila menganjurkan Bengkel Penulisan Buku Bertema pada 8 Oktober 2015 di TH Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu. Sebanyak dua draf buku bertema dihasilkan melalui bengkel ini dan salah satunya bertajuk 'Kecemerlangan Projek Ilmiah Tahun Akhir'. Kedua-dua bengkel anjuran FEPSP kerjasama Kluster Sains Pengurusan dan FIK ini dikendalikan oleh Pengarah Penerbit UniSZA, Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh.

Kemeriahan aktiviti penulisan buku ini diteruskan oleh Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dengan menganjurkan Bengkel Penulisan Buku Ilmiah di Awana Kijal Golf, Beach & Spa Resort pada 22 hingga 24 Oktober 2015. Para peserta telah dibimbing oleh Pegawai Penerbitan Penerbit UniSZA, Puan Zurina Mansor. Di akhir bengkel,



sebanyak sembilan manuskrip telah diserahkan oleh peserta kepada Penerbit UniSZA. Bengkel ini juga dijangka dapat menghasilkan lagi beberapa manuskrip oleh para pensyarah FKI.

Dengan pemberian dana khas dalam menerbitkan buku ilmiah ini, diharap teras pemerksaan bakat akademik menjadi nadi dalam kecemerlangan UniSZA pada masa akan datang.



Bengkel Asas Pengurusan Pejabat Siri Ke-2

Pejabat Pendaftar UniSZA telah menganjurkan Bengkel Asas Pengurusan Pejabat kepada Staf Kumpulan Pelaksana UniSZA Siri 2/2015 bertempat di Dewan Panca Delima, Pusat Kesenian dan Warisan, UniSZA Kampus Gong Badak. Bengkel ini telah dijalankan selama dua hari iaitu dari 17 - 18 Ogos 2015.

Bengkel ini adalah kesinambungan daripada Bengkel Asas Pengurusan Pejabat Siri Pertama yang telah diadakan pada bulan Februari di Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan serta mengukuhkan kemahiran dan pengetahuan terutamanya perkara asas berkaitan pengurusan pejabat. Ini kerana, peningkatan ilmu serta kemahiran perlu diberi kepada setiap staf supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada UniSZA serta menjamin imej dan reputasi baik UniSZA pada pandangan masyarakat.

Seramai 50 orang peserta daripada kumpulan pelaksana telah menyertai Bengkel Asas Pengurusan Pejabat



bengkel ini yang melibatkan kakitangan daripada pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTj) UniSZA. Penceramah-penceramah yang dijemput adalah terdiri daripada Timbalan Bendahari, Encik Suhaili Mohd; Penolong Pendaftar, Encik Ahmad Termizi Ab. Aziz dan Puan Wan Mazrina Wan Mansor; dan Pegawai Penerbitan, Puan Zurina Mansor. Perkara yang ditekankan sepanjang bengkel ini berlangsung adalah penulisan surat

rasmi dan memo, penulisan kertas cadangan, penulisan laporan, penulisan minit mesyuarat, pengurusan fail dan pengurusan kewangan UniSZA.

Bengkel ini berupaya menjadikan setiap peserta seorang kakitangan yang berdedikasi, bertanggungjawab dan berkemahiran tinggi.

Bengkel Pemurnian Artikel Berimpak Tinggi



Penganjuran bengkel pemurnian artikel merupakan salah satu program yang seringkali dilaksanakan saban tahun oleh Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) untuk meningkatkan prestasi fakulti selain berusaha untuk mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) staf akademik dalam penerbitan dan penyelidikan.

Untuk mencapai KPI yang ditetapkan, seramai 40 staf akademik FIK menghadiri Bengkel Pemurnian Artikel Berimpak Tinggi yang diadakan

di Holiday Villa Beach Resort & Spa Cherating, Pahang pada 10 - 12 September 2015.

Ini merupakan usaha pihak fakulti dalam membimbing dan memberi galakan kepada semua pensyarah FIK untuk menulis dan menerbitkan artikel yang bermutu tinggi. Selain itu, ia dilaksanakan bagi melancarkan proses pengemaskinian artikel dalam jumlah yang besar dan melibatkan bilangan pensyarah yang ramai serta dapat disiapkan dalam masa yang singkat.

Melalui penganjuran bengkel ini fakulti berupaya untuk mewasit, mengulas, memberi cadangan dan menambahbaik 40 artikel berimpak tinggi yang dicadangkan untuk penerbitan bagi tahun 2015 dan 2016.

Bengkel artikel berimpak tinggi ini bukan sahaja memberi ruang dan peluang untuk para peserta mengemas kini hasil penerbitan masing-masing malah peserta juga berpeluang mendapat bimbingan daripada tiga fasilitator yang dijemput khas dari Universiti Utara Malaysia (UUM) iaitu Prof. Dr. Ku Ruhana Ku Mahamud dan Prof. Dr. Zulikha Jamaludin serta Prof. Dr. Mustafa Mat Deris dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Pelaksanaan bengkel ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan KPI penerbitan dan penyelidikan para pensyarah di FIK malah ia menjadi inspirasi kepada para pensyarah lain untuk lebih berdaya saing dalam mencapai matlamat fakulti seiring dengan visi dan misi universiti.

FLAIR Anjur Dua Persidangan Antarabangsa

Pada 10 - 11 Mei 2015, Fakulti Undang-Undang, Perakaunan dan Hubungan Antarabangsa (FLAIR) telah menganjurkan dua persidangan antarabangsa secara serentak iaitu *International Conference on Waqf (ICW) 2015: Issues, Challenges, The Ways Forward* dan *4th International Conference on Law & Society (ICLAS) 2015: Law, Society and Globalisation*. Persidangan antarabangsa ini telah dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah UniSZA, Tuan Haji Mohammad Sahar Mat Din.

Seramai 33 orang peserta telah membentangkan kertas kerja dalam Persidangan Antarabangsa Waqaf 2015. Antaranya ialah peserta dari UniSZA, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Universiti Islam Melaka, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kolej Profesional MARA Melaka, Universitas Indonesia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Monash University Malaysia Campus.

Sementara itu, seramai 170 orang peserta telah membentangkan kertas kerja mereka bagi persidangan *ICLAS 2015*. Para peserta juga terdiri daripada dalam dan luar negara. Antaranya ialah UniSZA, UiTM, UIA, USIM, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Tun Abdul Razak (UTAR), UMT, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Utara Malaysia (UUM), The Chamber of Arif & Kamal, Advocates & Solicitors, Jabatan Bantuan Guaman Perak, Taylor's University Lakeside Campus, High Court of Malaysia, Sabah and Sarawak. Peserta dari luar negara pula terdiri dari Universitas Muhammadiyah, Yogyakarta, Indonesia, University of Maiduguri, Osmania University, University College Dublin,

University of Brawijaya Malang, University of Ilorin, Nigeria, Safe Law Firm, Yogyakarta, Indonesia, Diponegoro University, Semarang, Universitas Indonesia, Ministry of Communication and Technology Information Republic of Indonesia, Alojo & Associates, Ilorin, Lofty Heights Law Firm, Ilorin, Kwara State, Nigeria, Glasgow Caledonian University, UK.

Dalam *ICW 2015*, satu anugerah bagi kategori *Best Paper Award* telah ditaja oleh *Malaysian Accountancy Research and Education Foundation (MAREF)*. Tempat pertama telah dimenangi oleh kumpulan peserta dari FLAIR yang diketuai oleh Prof. Dr. Noorhayati Mansor. Tempat kedua pula dimenangi oleh Puan Roshaida Taha, dari UMT, manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Encik Ibrahim Ahmed Khalil dari Monash University Malaysia Campus. Kemenangan tempat pertama bagi anugerah ini juga telah membuktikan bahawa pensyarah FLAIR adalah berdaya saing dalam menghasilkan penulisan akademik di peringkat antarabangsa.

Kedua-dua persidangan ini telah berjaya memenuhi objektif persidangan, di samping berhasil untuk memupuk jaringan kerja antara FLAIR dengan universiti-universiti yang lain.

Siri Wacana Ilmu Peradaban Islam

Wacana ilmu merupakan salah satu siri wacana intelektual yang dianjurkan berkaitan pelbagai isu berkenaan tamadun Islam semasa. Peranan para pemikir Islam dalam perkembangan tamadun Islam membantu untuk menjana dan mengembangkan idea serta pemikiran dalam kalangan cendekiawan mengenai isu-isu semasa dan cabaran yang dihadapi oleh umat kini dan masa hadapan.

Seiring dengan keperluan tersebut, pihak Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) telah menganjurkan *Intellectual Discourse Series on Islamic Civilization* yang bertemakan 'Pergolakan Negara Islam di Asia Barat: Harapan Kebangkitan Islam Abad ke-21'. Wacana ini telah dianjurkan pada 26 Ogos 2015 bertempat di Dewan Senat, UniSZA. Wacana ilmu ini merupakan platform perkongsian ilmu daripada Prof. Dr. Kamaruzaman Yusoff dari Universiti

Teknologi Malaysia (UTM). Seramai 40 peserta telah mengambil bahagian dalam siri wacana ilmu yang pertama ini.

Beliau menyentuh tentang pergolakan semasa yang melanda Asia Barat selepas berlakunya 'Arab Spring'. Gelombang revolusi, demonstrasi dan protes (aman dan ganas), rusuhan serta perang saudara di dunia Arab yang bermula pada 18 Disember 2010 di Tunisia yang dikenali sebagai Revolusi Tunisia.

Ia terus merebak ke seluruh negara Liga Arab dan negara persekitaran. Walaupun gelombang awal ini pudar pada pertengahan tahun 2012, namun ia masih berlaku di Timur Tengah dan Afrika Utara. Kesan *Arab Spring* yang paling radikal ialah melibatkan perang saudara yang masih berterusan di Syria sehingga kini dan telah meragut banyak nyawa sama ada orang awam mahupun pihak yang bersengketa.

Para pelajar dan kakitangan

UniSZA yang menghadiri program ini mengambil peluang untuk bertanyakan soalan kepada penceramah jemputan sewaktu sesi pertanyaan yang berlangsung hampir sejam. Di akhir perkongsian, beliau berharap agar kefahaman tentang perpaduan dan pengukuhan akidah Islam penting dalam menjamin keharmonian hidup umat Islam. Sebarang jenis ancaman atau cabaran hendaklah ditangani dengan penuh berhemah serta ancaman yang berbentuk terlalu radikal mesti dikekang lebih awal.

Program yang dianjurkan ini diharapkan mampu memberi pendedahan kepada para pelajar dan kakitangan UniSZA tentang situasi semasa yang melanda dunia Islam masa kini. Penganjuran program sebegini amat penting untuk diteruskan agar kita dapat mengenali dan bersiap sedia dalam menghadapi cabaran.

Lawatan Auditor Audit Kesiediaan Autonomi UniSZA 2015



UniSZA telah menerima kunjungan pasukan auditor Audit Kesiediaan Autonomi yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 10-12 Ogos 2015. Pasukan auditor yang diketuai oleh Encik Dzulkifli Sipon serta 17 orang ahli mewakili Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menjalankan proses pengauditan bagi tujuan menilai kesiediaan UniSZA mendapat status Universiti Autonomi.

Proses pengauditan ini membolehkan UniSZA mencipta sejarah baharu untuk menjadi sebuah Universiti Awam (UA) berstatus Universiti Autonomi. UniSZA telah terpilih untuk melalui proses Audit Kesiediaan Autonomi bersama-sama enam UA yang lain pada tahun 2015. Usaha mencapai status universiti autonomi adalah bagi melaksanakan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk antara Agensi yang dipengerusikan oleh Menteri Pengajian Tinggi pada 2 November 2011. Mesyuarat berkenaan memutuskan bahawa kesemua UA yang belum melalui proses pengauditan Code

of University Good Governance (CUGG) dan *University Good Governance Index (UGGI)* perlu melalui Audit Kesiediaan Autonomi.

Empat komponen yang diaudit mencakupi Governan Institusi, Pengurusan Kewangan dan Penjana Hasil, Pengurusan Sumber Manusia, serta Governan Akademik dan Pengambilan Pelajar. Setiap komponen melalui proses pengauditan oleh pasukan audit dalam UniSZA dan audit MPC. Dua dokumen penting telah dibangunkan iaitu Dokumen Laporan Kendiri (*Self Assessment Report*) dan Laporan Interim untuk tujuan penilaian bagi mendapatkan Persijilan Autonomi.

Sebagai persediaan menghadapi proses pengauditan ini, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Induk Audit Kesiediaan Autonomi oleh Pengurusan Tertinggi UniSZA. Beliau telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai semua urusan pengurusan

dan penyelarasan bagi melengkapkan dua dokumen tersebut. Unit Audit Dalam UniSZA pula berperanan sebagai auditor dalam membuat penilaian interim bagi Persijilan Audit Kesiediaan Autonomi bagi UniSZA.

Pelbagai usaha dan tindakan juga telah diambil oleh pihak pengurusan universiti bagi menjamin pematuan pelaksanaan keempat-empat komponen tersebut. Kesemua ini telah diperhalusi dan disusun dalam Projek Agenda Kritisal (CAP) UniSZA. Antara perkara yang telah diperhalusi ialah cara memperkemaskan tadbir urus UniSZA agar setanding dengan amalan institusi pengajian tinggi terkemuka di dunia. Usaha ini bagi memastikan kebertanggungjawaban menjadi budaya kerja di UniSZA.

Menyusun langkah ke hadapan, UniSZA bersedia melaksanakan konsep universiti autonomi kerana ia dibekalkan dengan garis panduan amalan tadbir urus terbaik dan indeks pengukuran amalan yang kemas. Setelah mendapat status sebuah UA yang berautonomi, UniSZA akan diberi kuasa penuh membuat dan melaksanakan keputusan sendiri melalui struktur governan yang jelas.





Program Survival 2015

Program Survival 2015 telah diadakan pada tanggal 17 - 19 September. Program Survival ini disertai oleh 64 orang peserta Kumpulan Pelaksana UniSZA daripada pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTJ). Program ini diadakan di Peladang Setiu Agrotourism Sdn. Bhd., Setiu, Terengganu.

Tujuan program ini diadakan untuk menggalakkan dan menyuburkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan rakan sekerja dan merangsang semangat ingin berbakti kepada UniSZA sebagai pemangkin dorongan

sikap serta budaya kerja positif. Selain itu, program ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan peserta dan menguji kekuatan mental serta fizikal peserta sebagai persiapan untuk menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang.

Program telah dirasmikan oleh Pendaftar UniSZA, Prof. Madya Nordin Jusoh. Kata-kata amanat daripada beliau telah meningkatkan semangat peserta bagi menghadapi setiap aktiviti dan cabaran dalam program ini. Pelbagai aktiviti telah

dijalankan sepanjang program tersebut berlangsung seperti Latihan Dalam Kumpulan (LDK), persembahan peserta, *Night Trekking*, *Water Confidece*, *River Crossing*, *Treasure Hunt* dan Ikhtiar Hidup. Kesemua aktiviti ini telah diketuai oleh fasilitator yang dijemput khas iaitu Encik Salmona Fikri Ibrahim dan pegawai dari UniSZA, Encik Ahmad Termizi Ab. Aziz serta dibantu oleh pihak urussetia dan kakitangan Peladang Setiu Agrotourism.



Program Transformasi Minda 2015

Pejabat Pendaftar UniSZA telah berjaya menganjurkan Program Transformasi Minda 2015 (PTM 2015) di The Legend Resort Cherating, Kuantan, Pahang pada 6 - 12 September 2015. Pelaksanaan PTM 2015 ini adalah sebagai satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi.

Dalam program ini, seramai 51 orang peserta terlibat merangkumi kakitangan UniSZA daripada pelbagai jawatan dalam bidang akademik dan bukan akademik. Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan negara, sistem pentadbiran kerajaan serta peraturan asas perkhidmatan awam. Selain itu, pelaksanaan program ini dapat menerapkan nilai budaya kerja cemerlang kepada setiap peserta agar dapat memberikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan. Program ini juga bertujuan memastikan setiap



peserta memiliki pemikiran minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju.

Tiga segmen aktiviti telah dijalankan iaitu Negara dan Perkhidmatan Awam, Tanggungjawab dan Peranan Pegawai dan Budaya Kerja Kelas Pertama. Penceramah-penceramah yang terlibat ialah pegawai-pegawai dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Biro Tatanegara (BTN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) serta pegawai dari UniSZA. Selain itu, turut diadakan sesi ceramah oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman dan Pendaftar UniSZA, Prof. Madya Nordin Jusoh turut diadakan.



Bengkel Kenali Gaya Pembelajaran

Unit Kaunseling, Pejabat Timbalan Naib Canselor, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah mengadakan bengkel 'Kenali Gaya Pembelajaran di Universiti' pada 12 Julai 2015 bertempat di Dewan Auditorium, Kampus Tembila, Besut. Bengkel ini melibatkan seramai 102 orang mahasiswa dari Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK).

Bengkel ini merupakan satu program untuk memberi garis panduan kepada mahasiswa UniSZA berkaitan aspek pembelajaran efektif dalam meningkatkan pencapaian akademik. Perkara ini amat penting dan perlu diterapkan semasa proses pembelajaran di universiti bagi melahirkan mahasiswa yang cemerlang.

Antara objektif bengkel ini adalah memberi peluang kepada mahasiswa untuk mencari keupayaan dan kekuatan diri masing-masing dengan pendedahan berkaitan teknik

pembelajaran yang berkesan. Di samping itu, bengkel ini menjadi satu platform kepada mahasiswa agar dapat merangsang diri untuk lebih tekun dan bermotivasi dalam sesi pembelajaran di universiti. Peserta juga diberi pendedahan kepada mahasiswa tentang kemahiran belajar yang terbaik untuk mereka mengembangkan potensi kemahiran insaniah dan *competitive skill* serta teknik belajar yang bersesuaian dengan personaliti, minat dan kemampuan diri.

Sambutan yang diterima daripada peserta yang terlibat dengan bengkel ini amat menggalakkan dan mereka memberi maklum balas yang amat positif sepanjang mengikuti bengkel. Justeru, Unit Kaunseling, PTNC HEPA, akan berusaha untuk menganjurkan program seumpama ini pada masa akan datang.



Bertempat di UniSZA Kampus Gong Badak, pada 10 Oktober 2015 telah berlangsung Seminar al-Quran Antarabangsa dalam Masyarakat Kontemporari anjuran Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI). Seminar ini dihadiri oleh peserta dari dalam dan luar negara antaranya Arab Saudi, Mesir, Kuwait, Pakistan, Nigeria, Indonesia, Brunei Darussalam dan Thailand. Seminar yang lebih dikenali sebagai SQ2015 ini merupakan program usahasama dwitahunan yang dianjurkan oleh FKI dengan Institut Wasatiyyah Malaysia serta Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM). Tema SQ2015 kali ini adalah Al-quran Pemacu Ummah Wasatiah. Penganjuran SQ2015 ini merupakan kesinambungan daripada Seminar Antarabangsa al-Quran yang bertemakan 'al-Quran Tonggak Transformasi' (SQ2012), Seminar Antarabangsa Qiraat dan Qurra (SQ2010) yang bertemakan Ilmu Qiraat dan Qurra Menjana Keilmuan Islam, dan Seminar al-Quran dan Pembentukan Ummah Cemerlang (SQ2008) yang bertemakan al-Quran Membentuk Ummah Cemerlang.

Seminar al-Quran Antarabangsa dalam Masyarakat Kontemporari



Seminar ini diserikan dengan majlis perasmian oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dato' Dusuki. Turut hadir adalah Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim. Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh pensyarah FKI, Ustaz Aman Daima Mohd Zain. Sepanjang dua hari berlangsungnya seminar ini, satu ucaptama dan tiga kertas kerja utama telah dibentangkan. Pada hari pertama, sesi ucaptama telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Syariah, Kuwait Finance House (KFH), Prof. Dr. Sayid Muhammad Abd Razzaq al-Tabtaba'i. Seterusnya majlis diteruskan dengan pembentangan kertas kerja utama oleh Profesor Kuliah Syariah, Universiti Sharjah, UAE iaitu Prof. Dr. Muhammad al-Zuhayli. Pada hari kedua, sesi pembentangan kertas kerja utama diteruskan oleh Timbalan Pengarah I, Institut Wasatiyyah Malaysia, Dr. Mushaddad Hasbullah dan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Alumni dan Pelajar, FKI, UniSZA, Dr. Muhamad Zaid Ismail. Seminar ini telah ditutup secara rasminya pada 11 Oktober 2015 oleh Dekan FKI, Prof. Madya Dr. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali yang juga merupakan pengerusi SQ 2015.

Dengan menjadikan tema ini sebagai sandaran, seminar antarabangsa yang mengumpulkan para cendekiawan yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang ini pastinya dapat memberi input yang berguna dalam menggariskan ciri-ciri *wasatiah* dalam segenap aspek kehidupan agar *ummatan wasata* yang disebut di dalam al-Quran dapat direalisasikan. Input ini juga dapat memperbanyakkan khazanah ilmu kontemporari yang diolah berasaskan *zilal* al-Quran. Penganjuran SQ2015 merupakan medium bagi menterjemahkan kedudukan al-Quran sebagai asas kepada kehidupan yang berkonsepkan *wasatiah*.

Seminar Antarabangsa Permerkasaan Peradaban Islam Abad Ke-21

Seminar Antarabangsa Permerkasaan Peradaban Islam Abad Ke-21 (*International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*) atau lebih dikenali dengan ringkasan ICIC2015 telah diadakan sebagai satu medium perkongsian dan percambahan ilmu dalam kalangan cendekiawan Islam. Program ini telah berlangsung pada 6-7 September 2015 bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) telah bekerjasama dengan Istanbul Foundation for Science and Culture (IFSC) dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), UniSZA dalam menganjurkan program yang pertama kali diadakan ini.



Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim, telah merasmikan seminar yang disertai oleh peserta dari pelbagai negara termasuk Turki, India, Thailand, Nigeria, Indonesia dan juga cendekiawan tempatan. Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau menyatakan hasrat agar kerjasama yang dijalinakan akan berkekalan terutamanya dalam memperkasa jaringan penyelidikan dan penerbitan berkenaan keilmuan Islam. Beliau juga mewakili UniSZA untuk menandatangani satu perjanjian persefahaman dengan pihak IFSC yang diwakili oleh Prof. Dr. Faris Kaya dalam usaha untuk mengukuhkan jaringan penyelidikan di peringkat antarabangsa.

Penglibatan peserta dari pelbagai negara telah membuka ruang dan peluang dalam menjalinakan kerjasama jaringan penyelidikan dan modal insan. Pihak penganjur telah menerima hasrat daripada beberapa buah institusi untuk menjalinakan kerjasama dalam bidang penyelidikan, program mobiliti pelajar dan kakitangan serta aktiviti-aktiviti lain. Ini merupakan satu perkembangan yang baik untuk UniSZA dalam menjayakan visi menjadi universiti yang tersohor di persada dunia.

Antara penceramah utama yang dijemput ialah Prof. Dr. Faris Kaya (IFSC), Tan Sri Prof. Dr. Mohd Kamal Hassan dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Prof. Madya Dr. Fadzli Adam (INSPIRE). Selain itu, terdapat lebih daripada



90 orang pembentang yang terdiri daripada ahli akademik, pelajar dalam dan luar negara yang turut mengambil bahagian dalam membentangkan hasil penyelidikan mereka semasa sesi pembentangan selari.

Kertas penyelidikan yang dibentangkan adalah berdasarkan tema yang telah ditetapkan oleh penganjur iaitu pemikiran Bediuzzaman Said Nursi, pandangan dunia terhadap keagamaan dan kehidupan, pemeraksanaan sistem pendidikan, peradaban Islam, integrasi ilmu agama dan sains, perpaduan umat Islam, dialog antara agama, isu kemanusiaan sejagat serta isu-isu kontemporari lain. Kertas penyelidikan yang terpilih akan diperkemas untuk diterbitkan di dalam jurnal edisi khas yang berindeks Scopus dan selebihnya akan diterbitkan sebagai buku bertema.

Seminar ini telah menerima tajaan daripada Bank Islam Malaysia Berhad, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan IKIM.fm selaku penyiar rasmi. INSPIRE selaku penganjur utama juga turut dipelawa oleh pihak IFSC untuk bekerjasama dalam menganjurkan program sebegini di Turki pada masa akan datang.





Wacana Bersama Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh

Kesusasteraan Melayu dilihat sedang berhadapan dengan cabaran yang hebat pada abad ke-21 ini. Terdapat segelintir pihak dalam masyarakat Melayu kurang peka terhadap keindahan dan kepentingan kesusasteraan Melayu dalam kehidupan. Tumpuan secara menyeluruh terhadap bidang ilmu yang lebih menjurus kepada sains dan teknologi juga dilihat sebagai antara cabaran besar kepada dunia Kesusasteraan Melayu di Malaysia.

Menyedari hakikat ini, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengambil inisiatif untuk memartabatkan bidang kesusasteraan Melayu dengan menganjurkan program Wacana Ilmuwan Negara bersama Sasterawan Negara yang tidak asing lagi iaitu Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh.

Program ini dianjurkan pada 16 September 2015 bertempat di Dewan Perdana, UniSZA dengan dihadiri oleh 588 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, pensyarah, ahli persatuan kesusasteraan, pencinta seni dan bahasa serta masyarakat setempat. Selain bertujuan untuk memperkasakan bidang Kesusasteraan Melayu, program ini juga dianjurkan bagi menyalur dan menyebarkan ilmu pengetahuan berkaitan Kesusasteraan Melayu.

Antara inti pati program ini ialah slot bicara bahasa oleh Yahya Ismail atau Pak Ya, deklamasi puisi nukilan Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh oleh para pelajar dari FBK UniSZA dan ulasan buku oleh Prof. Dr. Ding Choo Ming dan Zalina Abdul Aziz atau juga dikenali sebagai Ninot Aziz. Kemuncak program ini adalah majlis pelancaran buku *Bridging the Past and the Present: A Festschrift Honouring Muhammad Haji Salleh* dan syarahan perdana oleh Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh bertajuk *Di Ambang Kesarjanaan: Pengalaman Sasterawan Negara*.

Penghasilan buku bertajuk *Bridging the Past and the Present: A Festschrift Honouring Muhammad Haji Salleh* merupakan satu usaha yang dilakukan untuk menyanjung kejarjanaan Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh yang memuatkan 14 makalah berkenaan kesusasteraan. Buku terbitan tahun 2015 oleh DBP ini mengumpul makalah yang ditulis oleh para sarjana dalam dan luar negara seperti Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam, Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Jerman.

Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh dalam syarahannya menyeru masyarakat untuk mencintai ilmu dan bahasa kerana suasana intelektual hanya boleh dibina melalui budaya membaca yang luas. Justeru, masyarakat perlu memiliki keinginan dan keghairahan untuk menimba ilmu dalam pelbagai bahasa melalui proses terjemahan yang dinamik dan terkini.

Selain itu, beliau turut menyarankan agar para akademia khususnya yang berada di institusi pengajian tinggi agar segera meneroka bidang keilmuan baharu agar ia dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.



“Ilmu sangat rinci dewasa ini. Dunia di bawah mikroskop yang masih tinggal. Untuk menjadi sarjana yang baik kita perlu bidang khusus yang masih belum diceburi orang lain. Pensyarah muda harus cepat mencari ruang ini dan membinanya,” kata Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh dalam syarahannya.

Menurut beliau lagi, walaupun dalam era globalisasi ini penggunaan bahasa Inggeris sangat penting, namun kepentingan menggunakan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu tidak boleh dipandang remeh oleh masyarakat kerana ia merupakan jati diri dan lambang kemajuan masyarakat Malaysia. Mengambil Jepun sebagai contoh, beliau menyarankan agar masyarakat tidak lupa akan tradisi ilmu dalam bidang Kesusasteraan Melayu kerana identiti masyarakat terletak pada ilmu ini.



Sejenak Bersama Pengarah JPP Ir. Mohd Yasim A. Ghani



Sebagai mukadimah, bagaimana Tuan Haji memanfaatkan pengalaman luas sebelum ini dalam memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Jabatan Pengurusan dan Pembangunan (JPP) UniSZA yang baharu?

Pengalaman saya bekerja di Jabatan Kerja Raya (JKR) dan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai Jurutera Bangunan dan Jurutera Daerah di Marang Terengganu, banyak membantu saya dalam melaksanakan tugas di UniSZA. Saya juga pernah bertugas sebagai Penolong Pengarah Kanan di Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR Malaysia, dan Penolong Pengarah Kanan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pengalaman yang luas itu dapat membantu saya dalam memberi khidmat yang terbaik sebagai Pengarah JPP UniSZA, iaitu dalam meningkatkan usaha bagi membangunkan infrastruktur di kampus-kampus UniSZA.

Bagaimana pihak JPP di bawah pentadbiran Tuan Haji melaksanakan fungsi pembangunan dan penyelenggaraan di ketiga-tiga kampus UniSZA yang berasingan?

Perkara pertama yang saya lakukan ialah membuat penambahbaikan dari segi organisasi dengan mewujudkan unit-unit yang bertanggungjawab mengenai perancangan kampus dan perancangan projek.

Pertama, saya membahagikan tugas berkenaan projek di bawah unit

projek. Mana-mana projek yang akan dibangunkan, kita akan serah kepada satu unit yang diketuai oleh seorang Penolong Jurutera.

Kedua, satu unit baharu yang dikenali sebagai Unit Penyelenggaraan diwujudkan yang terdiri daripada tiga orang Penolong Jurutera dan seorang Jurutera Awam. Dengan wujudnya unit ini, banyak aduan dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

Berkenaan dengan masalah-masalah yang memerlukan perhatian JPP di ketiga-tiga kampus UniSZA, dari segi rutin hariannya lebih kurang sama iaitu kerja-kerja penyelenggaraan lebih berfokus kepada e-Aduan. Oleh sebab itu, dengan adanya Unit Penyelenggaraan yang baharu ini, staf perlu membawa peralatan berkaitan semaksimum mungkin ke lokasi yang terlibat. Hal ini supaya kita dapat menyelesaikan sesuatu isu itu dengan segera walaupun tiada dalam aduan.

Pegawai JPP ditempatkan di ketiga-tiga kampus UniSZA. Di Kampus Kota, terdapat Penolong Jurutera, Jurutera Elektrik, serta staf yang membuat pemantauan dari Kampus Gong Badak di bawah seliaan Jurutera Awam. Di Kampus Tembila pula, terdapat Jurutera Awam yang bertanggungjawab memantau penyelenggaraan dan pembangunan. Pada masa yang sama, Timbalan Pengarah JPP juga ditugaskan untuk memantau kampus tersebut. Buat masa sekarang keperluan staf mencukupi bagi mengekal dan melaksanakan agenda pembangunan UniSZA.

Memandangkan jumlah kemasukan pelajar ke UniSZA semakin bertambah saban tahun, apakah pembangunan yang telah dilaksanakan dan perancangan jangka masa panjang oleh pihak JPP khusus untuk kebajikan para pelajar dan staf?

Apabila berlaku pertambahan pelajar, dua perkara yang harus kita fokuskan iaitu pertama dari segi infrastruktur yang sedia ada, contohnya bangunan kuliah. Seperti yang kita sedia maklum, usia bangunan yang ada di kampus kita ini sudah hampir mencecah 30 tahun, antara langkah-langkah yang kita buat adalah pembaikan dan penambahbaikan terhadap keceriaan bilik-bilik kuliah. Daripada pemerhatian, saya merasakan kita memerlukan kos yang agak tinggi untuk menaik taraf keceriaan bilik kuliah meliputi kerja-kerja penambahbaikan seperti menukar karpet, mengecat, dan memastikan kemudahan asas untuk pembelajaran mencukupi.

Kedua ialah dari segi perancangan. Untuk jangka masa panjang ekoran daripada pertambahan pelajar, kita akan fokus kepada penginapan pelajar dengan membangun dan menyediakan kemudahan pelajar melibatkan bilik pelajar berkapasiti masing-masing 3,000 di Kampus Tembila dan Kampus Gong Badak.

Untuk Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), kita memohon banyak peruntukan daripada pihak kementerian, antaranya ialah kemudahan blok kuliah, bangunan akedemik baharu dan dewan kuliah

berpusat. Bagi Kampus Tembila, ia sudah hampir siap, namun memerlukan sedikit penambahan. Untuk Kampus Gong Badak pula, kita bakal mempunyai blok akademik dan dewan berpusat bernilai RM60 juta, bangunan pascasiswazah dan pusat holistik sebanyak RM40 juta. Selain itu, sebanyak RM20 juta diperuntukkan untuk kemudahan sukan di Kampus Gong Badak, manakala RM20 juta lagi melibatkan pembinaan bangunan perpustakaan baharu di Kampus Tembila.

Untuk staf pula, sebenarnya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), ia melibatkan pembinaan bangunan Canselori yang akan menempatkan Pejabat Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor dan kemudahan kafeteria. Begitu juga di Kampus Tembila, kita sudah ada perancangan jangka panjang, cuma dari segi pelaksanaannya agak lewat kerana sekarang kita berada pada tahun akhir bagi RMK-10 dan ia akan berakhir pada hujung tahun 2015.

Dalam RMK-11, kementerian sudah bersetuju untuk memberi peruntukan bagi tujuan pembinaan bangunan JPP tiga tingkat secara berasingan di Kampus Gong Badak. Pada masa yang sama, timbul juga idea untuk membina rumah kelab iaitu satu kompleks yang mungkin di dalamnya terdapat sauna, kolam renang, kafeteria dan lain-lain. Jadi, dengan adanya kemudahan

itu, kita akan mewujudkan suasana kampus yang lebih selesa untuk para kakitangan.

Apakah strategi yang disusun oleh pihak JPP dalam menangani kekangan berkaitan dengan pengurangan peruntukan universiti?

Kementerian telah menetapkan dasar bahawa universiti perlu menjana hasil pendapatan sendiri sebanyak 20 peratus, dengan pemotongan daripada belanja mengurus universiti. Bagi pihak JPP, kita akan menetapkan satu dasar perbelanjaan berhemah berdasarkan agihan bajet. Keutamaan diberikan kepada perkara yang penting dari sudut penambahbaikan seperti mewujudkan sistem pemantauan yang lebih baik. Susulan daripada itu, JPP dibahagikan kepada unit elektrik, mekanikal, landskap dan sivil. Setiap unit akan diberikan peruntukan dan pemantauan dilakukan dari segi perbelanjaan supaya tidak melebihi peruntukan yang diberi. Bagi projek ad hoc, JPP akan mengadakan perbincangan dengan pihak Bendahari kerana ia melibatkan peruntukan khas. Hubungan antara JPP dan Pejabat Bendahari amat baik dan kami sentiasa berbincang bagi mendapatkan persetujuan bersama.

Seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU), JPP diarahkan untuk mempromosikan

bilik-bilik kuliah dan dewan-dewan di UniSZA untuk disewa. Dalam hal ini, JPP berkemungkinan akan bekerjasama dengan pihak Unit Komunikasi Korporat dan Antarabangsa (UKKA) atau seorang pengurus akan dilantik. Namun, pada masa yang sama, kita perlu memastikan kemudahan yang disediakan berada dalam keadaan yang baik sebelum disewakan.

Bagi tujuan menambah keceriaan kampus, lebih banyak pokok diperlukan dan ini memerlukan kos yang tinggi untuk membeli pokok-pokok berkenaan. Kadang-kala pokok-pokok hiasan seperti Angsana dan *Rain Tree* berharga RM300-RM400 sepohon. Jadi, sebagai satu strategi bagi menjimatkan kos, Jawatankuasa Landskap ditubuhkan. Pada masa yang sama UniSZA mempunyai ramai pakar dalam bidang bioteknologi untuk membantu jawatankuasa tersebut. Jadi, mengapa kita tidak menanam sendiri pokok-pokok tersebut dengan bantuan pakar yang ada? Oleh itu, kita perlu membina tapak samaian dan hasilnya akan digunakan untuk keceriaan UniSZA di samping menjana hasil melalui penjualan pokok-pokok tersebut. Alhamdulillah, JPP telah diberikan tanah seluas 10-12 ekar di Ladang Pasir Akar untuk dijadikan tapak samaian.





pihak kementerian. Contohnya, Bengkel Penyediaan Pelan Induk Strategik Pembangunan UniSZA telah diadakan di Cameron Highlands yang melibatkan semua PTj. Dalam bengkel tersebut, semua pihak telah memberikan input yang baik bagi menyediakan satu *masterplan* pembangunan UniSZA sehingga tahun 2020. Hasil perbincangan tersebut akan dibuka dan diedarkan kepada setiap PTj. Inilah bentuk kerjasama yang dilaksanakan antara JPP dengan semua PTj di UniSZA.

Saban tahun, UniSZA dilanda dengan masalah banjir. Bagi pihak JPP, apakah tindakan yang dilakukan untuk menangani masalah tersebut bagi tahun ini dan juga tahun-tahun yang akan datang?

Antara langkah yang diambil bagi mengatasi masalah banjir adalah dengan melakukan pembersihan tasik. Perbelanjaan untuk operasi pembersihan tasik adalah sebanyak RM15 ribu sebulan dan kita akan memastikan sistem pengairan berfungsi dengan baik. Untuk jangka masa panjang, kita telah mengadakan perbincangan khusus dengan pihak Kerajaan Negeri Terengganu serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menyelesaikan masalah banjir di UniSZA. Pihak JPS akan membina sistem tebatan banjir Q6 di kawasan-kawasan lembah yang akan membawa aliran air ke kawasan tasik. Kita juga telah mengadakan perbincangan bersama pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk memasang *mechanical pump*, sekiranya paras air meningkat. UniSZA telah memohon dana daripada pihak kementerian untuk bantuan banjir sebanyak RM5 juta. Dijangkakan usaha ini akan bermula pada awal bulan Oktober dan siap pada bulan Mac 2016. Insya-Allah masalah banjir yang sering melanda UniSZA akan dapat diselesaikan.

Sejauh mana keberkesanan pelaksanaan sistem e-Aduan dalam menangani permasalahan yang timbul?

JPP perlu mengendalikan banyak perkara seperti elektrik, mekanikal, sivil dan landskap. Oleh itu, JPP mengambil langkah menempatkan seorang sahaja staf yang mengendalikan sistem e-Aduan dengan segera dan proaktif. Apabila beliau menerima laporan, staf yang bertanggungjawab akan mengendalikan dan memantau aduan tersebut sehingga selesai. Dari sudut pelaksanaan pula, JPP menugaskan empat orang staf bagi mengambil tindakan terhadap aduan yang diterima. Alhamdulillah, cara ini berkesan.

Ada masanya, staf JPP diarahkan untuk membuat pemantauan di kampus terutamanya melibatkan bangunan-bangunan utama seperti bangunan canselori, bangunan pentadbiran, Dewan Perdana serta pejabat-pejabat dekan. Tujuannya adalah untuk

mendapatkan maklumat dan maklum balas tentang penyelenggaraan bangunan. Budaya seperti ini yang saya cuba terapkan kepada staf JPP. Kini kami tidak hanya menunggu aduan untuk mengambil tindakan, malahan bertindak proaktif. Apabila kita fokus, *alhamdulillah*, masalah akan selesai dengan cepat.

Bagaimana pihak JPP bekerjasama dengan semua PTj di UniSZA untuk menghadapi cabaran pembangunan semasa bagi menjayakan perancangan universiti?

Melalui ruang perbincangan berkala seperti MPU, JPP mengambil perhatian terhadap semua cadangan yang diutarakan oleh semua PTj UniSZA. Semasa penyediaan RMK-11, JPP mengendalikan bengkel bagi semua PTj supaya menyenaraikan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk dikemukakan kepada

Bersahabat Cara Rasulullah s.a.w.

Azlini Chik

Emel: azlinichik@unisza.edu.my

Pengenalan

Islam sangat memerhatikan masalah adab. Bahkan semua persoalan adab dijelaskan secara sempurna dalam Islam. Ketika seorang Yahudi berkata kepada Salman r.a. “Apakah Nabi kalian mengajari kalian sampaipun masalah buang hajat?”. Beliau r.a. berkata, “Ya, beliau mengajari kami...” (Buletin Jumaat 2012). Inilah Islam, semua yang mendatangkan kemaslahatan dunia dan akhirat telah ada dalam Islam termasuk adab berteman.

Menurut Imam Ghazali, persahabatan itu harus berlandaskan dengan jiwa yang bersih. Malah Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: “Tidak sempurna imam kamu jika kamu tidak mengasihi kawan kamu lebih daripada kamu mengasihi diri sendiri”. Begitulah besarnya pengertian persahabatan dalam Islam yang bersandarkan konsep persaudaraan.

Konsep Sahabat

Sahabat ialah orang yang sering mendampingi kita atau kita mengenalinya rapat selain kaum kerabat, yang terdiri daripada rakan seagama atau berlainan agama. Kawan juga boleh merujuk kepada orang yang cenderung sifatnya dan sesuai dengan kita. Ada pepatah bahasa Inggeris yang berbunyi, “*A friend in need is a friend indeed*”, yang bermakna bahawa seorang sahabat akan hadir di saat-saat yang amat diperlukan untuk saling membantu antara satu sama lain. Seorang sahabat juga akan memberikan pujian dan penghargaan atas keberhasilan sahabatnya dan saling menguatkan serta saling memberi semangat si setiap kegagalan yang dihadapi sahabatnya

Kawan-kawan memainkan peranan yang penting dalam pembentukan peribadi seseorang (Azizi 2011). Pengaruh kasih sayang antara kawan cukup kuat. Oleh itu, untuk memastikan kita disayangi dan diterima oleh kawan-kawan, maka kita akan mengikut apa sahaja yang dilakukan atau diperkatakan oleh kawan-kawan. Sebenarnya kadangkala sikap ini tidak sihat kerana akan mempengaruhi fikiran seseorang untuk berfikir secara negatif sekiranya perkara yang disampaikan oleh kawan-kawan adalah tidak sah.


Pujangga pernah berkata, persahabatan yang tidak jujur umpama meniti buih di lautan. Hamparan buih nan memutih, hanya indah di luaran namun melewatinya bererti menuju ke jurang kehancuran. Kata-kata ini mencerminkan betapa sukarnya untuk mencari dan memiliki seorang sahabat yang berada bersama-sama ketika susah dan senang (Zaiton 2014). Cuba anda tanya diri sendiri, muhasabah diri adakah anda mempunyai sahabat sebegitu? Mencari sahabat sejati bukan mudah seperti membeli barang keperluan di pasaraya. Ada juga yang sanggup berkongsi duka dan gembira, namun terlebih kurang yang ingin menemani kita meniti duka.

Oleh demikian, beruntunglah bagi sesiapa yang memiliki sahabat yang sanggup susah dan senang bersama-sama.

Dalam hal ini sahabat sejati tiada tandingannya. Mereka ibarat berlian yang terbenam di dasar lumpur. Meskipun berbalut kekotoran, gemerlap sinarnya terserlah jua. Sahabat sejati menjunjung erti setiakawan, kejujuran, pengorbanan dan tanggungjawab. Meskipun sahabat bukan selalu berada dekat dan boleh dibawa bersembang dan sebagainya, namun kehadiran dalam hidup amat membawa erti yang bermakna. Sesiapa yang suka bersahabat dengan orang yang suka mengata sudah tentu dirinya juga terkena tempasnya. Maka pilihlah yang mana satu untuk dijadikan sahabat.

Ciri-ciri Sahabat yang Baik

1. Taat pada perintah Allah.
2. Bersedia menghulurkan bantuan.
3. Sentiasa berakhlak mulia.
4. Amanah dalam menjaga rahsia.
5. Memiliki sifat ikhlas dan jujur.
6. Cintakan ilmu pengetahuan.
7. Sentiasa mengajak ke arah kebaikan.
8. Sentiasa bermaaf-maafan.



Sahabat daripada Pandangan Rasulullah s.a.w.

Berkawan cara Rasulullah menurut Syukbah Dakwah dan Pendidikan (2006) ialah:

1. Mencari kawan yang baik dan mampu membimbing ke arah kebaikan. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud “Teman yang baik dan teman yang tidak baik itu diumpamakan seperti pembawa kasturi dan peniup api, maka si pembawa kasturi mungkin memberikan kasturi itu kepada kamu atau kamu dapat membelinya, atau kamu dapat mencium baunya yang wangi. Bagaimanapun peniup api mungkin membakar pakaianmu atau kamu dapat mencium baunya yang busuk.”
(H.R. al-Bukhari dan Muslim)
2. Bersahabat dengan orang yang bertaqwa dan beriman.
“Jangan kamu bersahabat melainkan dengan orang yang beriman dan jangan berikan makan kecuali kepada orang yang bertaqwa.”
(H.R. Abu Daud dan al-Tirmizi)
3. Hindari berkawan dengan orang yang buruk akhlaknya.
“Jauhilah kawan yang buruk (akhlak dan perangainya), kamu akan kenali sepertinya”.
“Seseorang itu berada atas cara hidup kawannya, maka perhatikanlah setiap seorang daripada kamu, siapakah yang didampinginya.”
(H.R. Abu Daud dan al-Tirmizi)

4. Menegur kesilapan kawan kerana kebenaran. Ubadah Ibn As-Samit berkata: “Rasullullah s.a.w. mengikat janji dengan kami supaya dengan dan patuh ketika susah dan senang, yang disukai dan dibenci dan jangan merebut sesuatu dari tuannya kecuali ada bukti kekefurrannya (Syukbah Dakwah dan Pendidikan 2006).
5. Membantu kawan ketika kesempitan.
“Seorang Muslim dengan muslim yang lain adalah bersaudara, dia tidak menzaliminya dan tidak mengelakkan diri daripada menolongnya, sesiapa yang melepas hajatnya, sesiapa yang melepaskan saudaranya daripada kesempitan, maka Allah s.w.t. akan melepaskan satu kesempitan daripada kesempitan-kesempitan hari kiamat dan sesiapa yang menutup (kebaikan) saudaranya, maka Allah s.w.t. akan melindunginya pada hari kiamat.”
(H.R. Abu Daud dan al-Tirmizi)

Kesimpulan

Dua orang membolehkan ikatan persahabatan yang berjaya dan dua orang sahabat juga boleh menghancurkan ikatan persahabatan yang sudah lama terjalin. Persahabatan sebenarnya dibina dengan kefahaman dan kepercayaan yang mendalam dan perlu mengambil masa yang lama. Remaja mempunyai ramai kawan, terutamanya di sekolah. Ada yang bertahan hanya seketika, tetapi terdapat segelintir yang rapat sehingga tamat persekolahan dan berterusan sehingga kini. Inilah kawan baik dan kawan karib anda. Walaupun kawan karib biasanya sebaya dengan anda, terdapat juga kawan karib dalam kalangan mereka dari luar alam persekolahan anda. Kawan karib boleh juga terdiri daripada ahli keluarga seperti adik-beradik dan datuk atau nenek. Ibu bapa juga boleh dijadikan kawan karib anda. Oleh itu, seindah budi pekerti, secantik akhlak terpuji. Tidak perlu mencari teman secantik balqis, jika diri tak seindah Sulaiman.

Rujukan

- Azizi. Y. 2011. Konsep Kendiri. Universiti Teknologi Mara. Dipetik daripada http://eprints.utm.my/20047/1/konsep_kendiri_part_3.pdf.
- Buletin Jumaat. 2012. Adab-adab berteman. Edisi 296. Dipetik daripada http://kajianbanjar.info/wp-content/uploads/2012/06/edisi-296_Adab-adab-Berteman.pdf.
- Syukbah Dakwan dan Pendidikan. 2006. Tazkirah Berkawan Cara Rasulullah S.A.W. Masjid Negeri Sabah. Dipetik daripada <http://www.sabah.org.my/mns/allpdf/tazkirah%2045%20270306%20Berkawan%20Cara%20Rasulullah%20saw.pdf>.
- Zaiton. M. 2014. Sahabat Umpama Pantulan Cermin. *Berita Harian*. (23 April).



Greying of the Malaysian Population: Points to Ponder

Rahmah Mohd Amin, PhD
Email: rahmahamin@unisza.edu.my

Greying or ageing of a population is an indispensable global phenomenon. The commonly used cut off point to consider a country as an ageing population is when approximately 7% of its total population is 65 years and above. Malaysia's next door neighbour, Singapore already achieved this ageing status several years ago whereby in 2008 approximately 8.7% of its population were 65 years old and above. Malaysia is expected to be an ageing population by 2030 when 15 percent of its population will be 60 years and above. Ageing of a population is not about the increase in the absolute number of elderly population but it is more of the increasing proportion of the elderly relative to the younger age group. The shift in these proportions is due to factors such as reduced fertility and mortality.

Malaysia's total fertility rate was 3.4 births per woman in 1991 and has reduced to 1.98 in 2012. In Singapore, the fertility rate in 2012 was 1.92. The reduction in fertility means less number of children being born, whilst there are relatively more adult and older people in the population as a result of longer life expectancy due to better health care services. This demographic trend resulted in the increase in the proportion of older persons in the population. Enhancing this trend in Malaysia is the reduction in the mortality rate. Take for example Infant Mortality Rate. It was 20.9 per 1000 live birth in 2000 and has been reduced to 14.5 in 2012. The under five mortality rate was 17.8 per 1000 in 1990 but has been reduced to 6.3 in 2010. This reduction led to relatively more people surviving to older age.

Apart from fertility rates, greying of the Malaysian population is reflected by indicators such as increase in the median age, increased life expectancy, decrease in the sex ratio and increase in the old age dependency ratio. The median age is the age that divides a population into two groups of the same size, such that half of the population is younger than this age, and the other half older. A higher median age indicates greying or ageing of a population. In 1990 the median age for Malaysia was approximately 22 and in 2012 it was 29. Life

expectancy at birth is the average number of years a newborn would live. In 2013, the males in Malaysia had a life expectancy of 72.6 and females 77.2. The sex ratio is the number of males per 100 females in a population. For Malaysia, the ratio for the 60 to 74 age group was 112.4 in 1970, 98.2 in 1980, 91.7 in 1990 and will be 79.2 in the year 2020. The old age dependency ratio is the number of old age to working adults. The increasing trend was seen whereby in the year 2000, the ratio was approximately 7, in 2010 it was 8, and it will be 11 in 2020 and 14 in 2030. The increase in the ratio is as result of the relatively more older persons in a community compared the the younger group.

Various implications arise from the greying of a population. The elderly, especially the middle old (75 to 84 years old) and the old old (85 years old and above) categories are very much associated with illnesses which are chronic in nature, multiple causes and with no simple cure. Illness such as hypertension, diabetes, arthritis are a few examples. The Giants of Geriatrics which was coined by Bernard Isaac in 1975 indicated symptoms such as incontinence, instability, impaired cognitive function, infection, isolation, impaired vision and hearing, impotence, irritable bowel etc. These symptoms which are very common among the elderly are the not so easy conditions to treat. All these need special prolonged health care attention and will definitely incur cost to health care providers and family members.

One of the more notably changes in a greying community is the issue of caregiving. As the elderly become less independent, they need to be cared for. However the changes in the family structure, reduction of family size, more women going into the labour force and geographic mobility affects the social networking and care of the elderly in the community. The increased trend towards the nuclear family living in urban areas tends to leave the elderly alone or just with partners. The current economic situation forces the younger female generation, who are the potential caregivers, to enter the workforce.

At the same time the Malaysian community, especially the Malays, are not ready to accept formal caregiving. Furthermore the higher star residential or nursing homes not only are limited in number but are

not affordable to many people. This is made worse if the elderly in the middle old or old old groups are those who do not have their own income. Widows who are living alone and totally dependent on their children are very much affected.

The caregivers are mostly females and they are either the daughter, wives or daughter-in-law. This is the scenario seen in most greying populations. Caregivers of the elderly have been shown to be overburdened because they are multitasking. They take care of their own children, husband and elderly parents. This is made worse if they are working. These women are being sandwiched by the caregiving burden. This issue needs to be seriously considered by governments and the community. If they are working, what perks can the government give to them? This is going to be more serious once our country reaches the greying status.

If the elderly age healthily in the community, they can take care of themselves and the issue of the caregiving burden can be reduced. But what facilities are available to enable them to do so? Are there enough elderly friendly facilities to advocate a healthy lifestyle such as for leisure, recreation and community care of the elderly? The commonly available facilities in the community are the facilities for physical activities such as futsal, badminton and football. These are not appropriate for the elderly. And to be healthy is not just about being physically fit. The other important components are mental, social and spiritual wellbeing. The environment and facilities need to be tailored towards supporting ageing healthily in the community.

Economically, ageing of the workforce, retirement age, savings, source of income, reemployment, transfer of capital and public expenditure are among the issues related to the greying of a population. To maintain the elderly in the workforce will create exasperation among the younger age group. As has been said above, health care of the elderly is costly.

The above mentioned issues regarding greying of the population are among the many drawbacks of an ageing population. As a country which is about to reach greying status, preventive actions need to be taken. Not to prevent ageing but to be ready to face

the phenomenon. Awareness and apprehension towards this issue needs to be advocated. Collaboration and cooperation between agencies responsible for elderly wellbeing need to be strengthened. We must learn from the experience of the developed countries who became rich before they became old because at the current pace, it appears that the developing countries are becoming old before they are rich.

References

- 1st World Congress on Healthy Ageing, 19-22 March 2012, www.healthyageingcongress.org.
- Department of Statistics Malaysia. www.statistic.gov.my [last updated 12th June 2015].
- Department of Statistics Singapore. www.Singstat.gov.sg/publications [last updated 2nd Oct 2014]
- H.S. Minhat & R.M. Amin. 2012. Social support and leisure participation of elderly in Malaysia. *The Internet Journal of Geriatrics and Gerontology* 7(1).
- Nur Fatimah O., Rahmah M.A. & Rosnah S. 2013. Informal social support and caregiver burden of caregivers of elderly with dementia, *IOSR Journal of Humanities and Social Science* 8(5) (Mar – Apr): 68-72.
- Stewart M. 2012. *A giant of geriatric medicine – Professor Bernard Isaac (1924-1995)*. www.bgs.org.uk/index.php/geriatricmedicinearchive.

Methicillin-Resistant *Staphylococcus aureus* (MRSA) the Unsung Pathogen

Zarizal Suhaili, MSc
Email: zarizal@unisza.edu.my

Bacteria are the oldest living organisms that inhabit this planet earth. To become multicellular organisms, prokaryotes cells work together via cooperation and evolution, thus resulting in the multi diversity of organisms that have existed and exist until recent. Generally, human beings carry a huge variety of microorganisms and become a natural reservoir in the animal kingdom. Known as Gram-positive facultative anaerobe with catalase and coagulase-positive activities, coccus-shaped *Staphylococcus aureus* is a part of the human microbiota, residing mostly in the mucosal environment in the nasal area and are also pathogenic to humans as well as in domestic animals (Cheng et al. 2009). The typical colonies after incubation for 24 hours are large, yellow-cream to orange pigmented and also presenting β -hemolytic on blood agar (Figure 1 and 2). Collectively, this versatile pathogen is known as human normal flora or commensal and has the capacity to synthesize a broad diversity of virulence and can become dangerous in that it could cause a wide range of infectious diseases from mild conditions, such as skin and soft tissue infection (SSTI), to severe life threatening debilitation, such as toxic shock syndrome (TSS) and bacterial endocarditis (Saiful et. al 2006; Suhaili et al. 2009). Furthermore, this bacterial infection also involves the bloodstream and lower respiratory tract in many developing countries, including Malaysia. On the other hand, some of these microorganisms seem to exert benefits to the human host by competing with opportunistic and primary pathogens. Thus, this beneficial species prevents harmful bacteria from colonising and spreading throughout the host (Azis et al. 2014).

How can anyone get infected with it? Because this bacteria is nonmotile, MRSA are usually spread through skin-to-skin contact with someone who has an MRSA infection or has the bacteria living on their skin. The bacteria can also spread through contact with towels, sheets, clothes, dressings or other objects that have been used by a person infected or colonised with it. In a few cases it can be transmitted through the cough of someone infected with pneumonia. This bacteria also can survive for long periods on objects or surfaces, such as door handles, sinks, floors and cleaning equipment. Recent reports suggest approximately 25-30 percent of the population is colonised (when bacteria are present, but not causing an infection) with *S. aureus* with 60 percent are being intermittent carriers, while 20 percent never carry the organism (Belkum et. al 2009). Others also reported recent estimates suggesting approximately 30 percent of humans are asymptomatic carriers of *S. aureus* in their nares and or throat (Azis et al. 2014; Foster 2004). Occasionally, *S. aureus* causes some minor skin infection such as pimples and boils which can be treated using commercially available antimicrobials or antibacterial creams and lotions. However, the same bacteria could cause serious infections such as surgical wound infections, bloodstream infections, urinary tract infections and pneumonia (Park et al. 2009). In Malaysia, MRSA prevalence was reported at 17.7 percent compared with 2012 isolated at 17.3 percent (Ministry of Health 2013), and this shows a small increment of the MRSA infection. The emergence of MRSA in Malaysia has been reported since 1970 (Lim et al. 1987).

The prevalence of MRSA is also showing an increment from 17 percent in 1986 to 61.4 percent in 2004 as reported by the Ministry of Health Malaysia (Rohani et al. 1999; Ministry of Health 2004). Following next is shown the plummeting number of prevalence of MRSA isolated from 31 percent in 2005 to 17.7 percent in 2013 as reported (Ministry of Health 2013). The most dangerous threat is currently represented by MRSA strains that generally harbour additional novel mobile genetic elements composing the antibiotic resistance determinant, thus warranting the utilisation as a last resort of glycopeptides antibiotics. However MRSA is far more serious than a normal Staphylococcal infection and is often contracted in hospitals rather than in daily life. The resistance to antibiotics also makes it more difficult to treat.

To date, there has been a scarcity of published data regarding clinical isolates of both MRSA from Malaysia especially from the east coast region compared with the global isolates. Thus, a research group in UniSZA from the Faculty of Bioresources and Food Industry together with the Faculty of Medicine, in collaboration with researchers from the Faculty of Medicine and Health Sciences, Universiti Putra Malaysia (UPM) and Universiti Malaya, further characterised the local isolates of MRSA from an east coast referral hospital, Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ). We found that the enterotoxin genes (57 percent) were more prevalent in MRSA strains and shared the identical clone with the Hungarian/Brazilian ST239 clone (Lim et al. 2012).

We further elucidated to understand the remarkable pathogenicity of the unsung pathogen as well as its adaptation of one of the MRSA models (KT/Y21) through whole genome sequencing approach. Genotypically, *S. aureus* KT/Y21 is of the sequence type 772 (ST772) lineage, *spa* type t657, and *agrII* and *dru* type dt10ao. KT/Y21 also harbors the PVL pathogenic genes. Clinical isolates of *S. aureus* of the same ST772 lineage and that are PVL positive have been reported in Malaysia (Neela et al. 2009). These isolates might have originated from Bangladesh due to similarities with the so-called Bengal Bay Clone ST772 lineage as reported by other findings (Monecke et al. 2013), as there are many Bangladeshis working as labourers and contract workers in Malaysia. The *S. aureus* KT/Y21 genome also contains genomic islands, such as the staphylococcal cassette chromosome *mec* element (SCC*mec*) with a type V *ccrC* complex, the γ Sa α and γ Sa β pathogenicity islands, and the PVL prophage Zhou et al. 2011). Sequencing KT/Y21 has generated the first draft genome of an ST772 lineage from the east coast of Malaysia, thus providing a reference for future comparative genomics of this important pathogen.

Due to the fact that it naturally colonises certain areas of our body, preventing *Staphylococcus aureus* infections can be difficult, and those who serve as a reservoir for the bacteria often have minor reoccurring infections or are symptomless. Regardless, the first step to preventing this bacterial infection is good hygiene practices. Proper hand washing is one way to prevent the spreading of the bacteria. Preventing sharing razors, towels, and other personal items also contribute to keeping the bacteria from spreading. Any wounds should

be kept covered and surfaces and equipment that may be infected, especially in places like locker rooms and day care centers, should be cleaned with a disinfectant frequently. Therefore, continued surveillance of the prevalence of this bacteria pathogens is essential to monitor its spread in the community and its association with infections particularly in Terengganu, Malaysia.



Figure 1 Image of typical colonies and complete hemolysis of *S. aureus* on top on Blood Agar. Source from <http://pixshark.com/staphylococcus-aureus-streak-plate.htm> and <http://modmedmicrobes2012.wikispaces.com>



Figure 2 Methicillin-resistance *Staphylococcus aureus* grown on top of Oxacillin Resistance Screening Agar Base (ORSAB) Media.

References

- Azis, N. M. A. T., Hamid, A. A. B., Pung, H. P., Abdul, P. A., Suhaili, Z., Nasir, M., & Desa, M. 2014. Staphylococcus aureus infection risk in a population of health sciences students at a public university. *Iranian J Publ Health* 43(3): 112–116.
- Belkum, Alex van, Damian C. Melles, Jan Nouwen, W. B. van L., Willem van Wamel, Margreet C. Vos, H. F. L. W., & I. 2009. Co-evolutionary aspects of human colonisation and infection by *Staphylococcus aureus*. *Infection, Genetics and Evolution*, 9(2009): 32–47.
- Cheng, A. G., Kim, H. K., Burts, M. L., Krausz, T., Schneewind, O., & Missiakas, D. M. 2009. Genetic requirements for *Staphylococcus aureus* abscess formation and persistence in host tissues. *FASEB Journal: Official Publication of the Federation of American Societies for Experimental Biology*, 23(10): 3393–404.
- Foster, T. J. 2004. The *Staphylococcus aureus* 'Superbug.' *Journal of Clinical Investigations* 117: 1693–1696.
- Lim, K.T., Yeo, C.C., Suhaili, Z., Thong, K.L. 2012. Comparison of methicillin-resistant and methicillin-sensitive *Staphylococcus aureus* strains isolated from a tertiary hospital in Terengganu, Malaysia. *Japanese Journal of Infectious Diseases* 65(6): 502–509.
- Lim, V. K., & Zulkifli, H. I. 1987. Methicillin resistant *Staphylococcus aureus* in a Malaysian neonatal unit. *Singapore Medical Journal* 28(2): 176–179.
- Ministry of Health. 2004. National surveillance of antibiotic resistance report. Malaysia: Ministry of Health. <http://www.imr.gov.my/report/nsar.html>.
- Ministry of Health. 2013. National surveillance of antibiotic resistance report. Malaysia: Ministry of Health. <http://www.imr.gov.my/report/nsar.html>.
- Ministry of Health. 2013. National surveillance of antibiotic resistance report. Malaysia: Ministry of Health. <http://www.imr.gov.my/report/nsar.html>.
- Monecke, S., Baier, V., Coombs, G. W., Slickers, P., Ziegler, A., & Ehricht, R. 2013. Genome sequencing and molecular characterisation of *Staphylococcus aureus* ST772-MRSA-V, 'Bengal Bay Clone'. *BMC Research Notes* 6(1): 548.
- Neela, V., Mohd Zafrul, A., Mariana, N. S., van Belkum, A., Liew, Y. K., & Rad, E. G. 2009. Prevalence of ST9 methicillin-resistant *Staphylococcus aureus* among pigs and pig handlers in Malaysia. *Journal of Clinical Microbiology*, 47(12), 4138–40.
- Park, Y. K., Peck, K. R., Cheong, H. S., Chung, D.-R., Song, J.-H., & Ko, K. S. 2009. Extreme Drug Resistance in *Acinetobacter baumannii* Infections in Intensive Care Units, South Korea - Vol. 15 No. 8 - August 2009 - Emerging Infectious Disease journal - CDC. *Emerging Infectious Disease Journal*, 15.
- Rohani, M.Y., Zainulidin, M.T., Koay, A.S and Lau, M.G. 1999. Antibiotic resistance patterns of bacteria isolated in Malaysian hospital. *International Medical Journal* 6(1): 47-51.
- Saiful, a. J., Mastura, M., Zarizal, S., Mazurah, M. I., Shuhaimi, M., & Ali, a. M. 2006. Detection of Methicillin-Resistant *Staphylococcus aureus* using *mecA/nuc* genes and antibiotic susceptibility profile of Malaysian clinical isolates. *World Journal of Microbiology and Biotechnology* 22(12): 1289–1294. <http://doi.org/10.1007/s11274-006-9174-9>.
- Suhaili, Z., Johari, S. A., Mohtar, M., Abdullah, A. R. T., Ahmad, A., & Ali, A. M. 2009. Detection of Malaysian methicillin-resistant *Staphylococcus aureus* (MRSA) clinical isolates using simplex and duplex real-time PCR. *World Journal of Microbiology and Biotechnology*, 25(2): 253–258.
- Zhou Y, Liang Y, Lynch KH, Dennis JJ, Wishart DS. 2011. PHAST: A fast PHAge search tool. *Nucleic Acids Res.* 39:W347–W352.

UniSZA ke Arah Pembelajaran dalam Talian Secara Global

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 bertujuan mentransformasi dan meningkatkan standard pendidikan tinggi negara. Sehubungan itu, Lonjakan 9: Pembelajaran dalam Talian Secara Global pelan berkenaan tertumpu kepada transformasi kepelbagaian pengalaman pengajaran dan pembelajaran di samping peningkatan akses pendidikan melalui inovasi pendidikan terbuka dalam talian.

Projek pembangunan *Massive Open Online Courses* (MOOCs) UniSZA adalah salah satu projek di bawah Lonjakan 9 yang merupakan agenda penting bagi Pusat Kualiti Akademik & E-Pembelajaran (AQeL), UniSZA. Secara umumnya, MOOCs merupakan sebuah konsep e-pembelajaran dan pengajaran secara terbuka yang membolehkan setiap pihak mengikuti dan menyertai kursus yang ditawarkan.

Mengambil kira keperluan kemahiran dan pendedahan yang relevan bagi memastikan kejayaan pembangunan MOOC di UniSZA, AQeL telah menganjurkan beberapa siri taklimat, bengkel dan sesi perkongsian teknologi. Bengkel pembangunan dan perbincangan papan cerita turut diadakan dalam usaha memastikan ketersediaan warga akademik yang menyertai pembangunan MOOCs. Bengkel ini melibatkan pensyarah bagi tiga kursus yang akan ditawarkan secara MOOC. Kursus-kursus tersebut adalah *Agricultural Entrepreneurship*, diketuai oleh Prof. Madya Dr. Nalini Arumugam; Pengantar Ilmu Falak, diketuai oleh Dr. Roslan Umar dan *Microeconomics* yang diketuai oleh Dr. Suraya Ismail.

AQeL juga mengadakan sesi perkongsian teknologi mini studio 3D untuk memberi pendedahan mengenai proses rakaman video pengajaran. Sesi ini dihadiri oleh wakil pensyarah dari Fakulti Informatik dan Komputeran, krew produksi dari Media Kreatif, Unit Komunikasi Korporat dan Antarabangsa (UKKA), staf dari Pusat Teknologi Maklumat (PTM) serta vendor yang berpengalaman dalam teknologi tersebut. Melalui penggunaan teknologi yang diperkenalkan, proses rakaman video pengajaran dapat dilakukan dan dilaksanakan dengan lebih mudah dan ringkas tanpa memerlukan proses pasca produksi yang panjang.

Lanjutan daripada sesi perkongsian teknologi tersebut, satu bengkel rakaman video pengajaran untuk MOOCs UniSZA telah diadakan di Cameron Highlands pada 5 - 8 Ogos 2015. Bengkel ini dihadiri oleh 12 pensyarah yang bertanggungjawab ke atas tiga kursus MOOCs UniSZA, lapan krew produksi yang diketuai oleh En. Nuruddahri Alias dari Media Kreatif UKKA dan urusetia. Objektif utama bengkel ini adalah untuk menghasilkan video pengajaran bagi pembangunan tiga kursus MOOCs UniSZA. Di samping itu, peserta dapat menyemak dan membuat persediaan akhir bagi bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian untuk dimuat naik ke dalam platform dalam talian MOOCs iaitu di platform pembelajaran terbuka. Bengkel rakaman video ini telah mencapai objektifnya apabila penghasilan video dan bahan-



bahan pengajaran yang berkaitan MOOCs berjaya dihasilkan. Bersesuaian dengan keperluan salah satu kursus MOOCs iaitu *Agricultural Entrepreneurship*, Cameron Highlands dipilih sebagai lokasi penggambaran dan rakaman video pengajaran memandangkan kursus tersebut memerlukan penggambaran di ladang-ladang komersial.

Perjalanan MOOCs di UniSZA masih panjang, tetapi dengan komitmen yang jitu daripada warga akademik dan sokongan padu daripada pihak pengurusan, AQeL pasti dapat merealisasikan projek MOOCs UniSZA. Ia dapat dilihat daripada kesungguhan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), yang turut terlibat dalam penghasilan video promo bagi MOOCs UniSZA.

Kejayaan melancarkan tiga kursus MOOCs di (<https://www.openlearning.com/UNISZAMOOC>) adalah merupakan kejayaan bersama semua warga UniSZA. Melalui inovasi dan pendidikan dalam talian secara terbuka dapat memberi impak yang signifikan dari segi pembangunan modal insan dan digital ekonomi.

Mantech Naib Johan Konvensyen KIK

Mantech telah mengharumkan nama UniSZA setelah menjadi naib johan Kategori Teknikal di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat IPTA kali ke-11 yang berlangsung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 14 April 2015.

Kumpulan Mantech diwakili oleh Puan Puspa A. Rashid yang bertindak sebagai fasilitator kumpulan bersama ahlinya Prof. Madya Dr. Saiful Bahri Mohamed, Encik Mohd Rohaizad Md Rejab, Encik Mohd Rizal Abd Ghani, Encik Mohd Firdaus Mansor, Encik Aziz Jusoh, Encik Mohd Zulkifli Mustafa, Encik Muhamad Solihin Jasmi, Encik Ahmad Hanafiah Abdullah dan Encik Muhammad Shairazi Taufik telah membentangkan hasil produk mereka iaitu *GR-Table*. Produk ini direka khas untuk memudah serta menjimatkan masa proses pengendalian kambing untuk kerja amali.

Produk *GR-Table* ini telah menarik perhatian para juri buat pertama kalinya dalam sejarah setelah beberapa tahun mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Kumpulan Mantech juga berjaya memperoleh penarafan emas. Selain itu, satu lagi wakil UniSZA iaitu kumpulan Epsilon telah menerima anugerah penarafan perak melalui produk mereka iaitu *Smart Flush*.

Kecemerlangan dan kehebatan kedua-dua kumpulan ini telah dikekalkan dalam Konvensyen Team Excellence MPC Wilayah Pantai Timur 2015 yang



telah diadakan pada 4 – 6 Ogos 2015 bertempat di The Zenith Hotel, Kuantan, Pahang.

Kedua-dua kumpulan masih mempertaruhkan produk asal iaitu *GR-Table* dan *Smart Flush*. Keunikan dan transformasi yang dicipta melalui produk ini telah menarik perhatian juri sekaligus menganugerahkan emas kepada kedua-dua kumpulan ini.

Pelbagai anugerah dan kemenangan yang diraih oleh UniSZA sepanjang pertandingan KIK dilangsungkan ini telah membuka mata orang ramai tentang kehebatan kakitangan UniSZA dalam menghasilkan inovasi yang menyumbang kepada kebaikan untuk komuniti. Diharapkan kumpulan Mantech dan Epsilon akan dapat mengharumkan nama UniSZA pada pertandingan yang akan datang sekaligus mengharumkan nama UniSZA di persada dunia.



Warna-Warni Konvokesyen UniSZA kali ke-7





Gambar oleh:
Mohd Radzi Abdul Kadir, Mohd Robi Nordin @ Aziz, Mohd Zulfadhli Jusoh
dan Ahmad Kamal Ramli

Pelancaran Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin



Kursi akademik di sesebuah universiti merupakan suatu jawatan akademik yang diwujudkan bagi tujuan pencarian dan pengembangan ilmu serta menjadi pemacu kepada penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi dalam bidang-bidang tertentu selaras dengan matlamat penubuhan. Seiring dengan visi UniSZA untuk menjadi universiti pilihan tersohor di persada dunia, penubuhan Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin menjadi salah satu tanda keseriusan UniSZA dalam memperkasa bidang penyelidikan dan penerbitan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Acara Pelancaran Kursi Sultan

Mizan Zainal Abidin ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada Majlis Santapan Malam sempena Majlis Konvokesyen Ke-7. Majlis Santapan telah berlangsung di Duyong Marina & Resort pada 16 Oktober 2015 dan dihadiri oleh seramai 400 tetamu jemputan.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim telah menyampaikan ucapan aluan dan turut memaklumkan bahawa jangkaan dana yang bakal dikumpul untuk Kursi ini adalah

sebanyak RM5 juta.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah wakil para penyumbang antaranya Bank Islam Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Beberapa agensi kerajaan dan swasta turut menyatakan hasrat untuk menyumbang dana bagi Kursi ini antaranya ialah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan lain-lain lagi.

Para penyumbang yang hadir telah menyerahkan replika cek sumbangan masing-masing kepada KDYMM Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Malaysia Berhad, Datuk Zamani Abdul Ghani telah menyampaikan sumbangan sebanyak RM250 ribu. Tenaga Nasional Berhad (TNB) diwakili oleh Pengurus Besar Negeri (Terengganu), Ir. Saharenam Mukhtar pula telah menyerahkan sumbangan sebanyak RM200 ribu. Pengurus Besar Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, Tuan Haji Zabidi Nason turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM50 ribu.

Pihak Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah meluluskan pelantikan Dato' Wira Dr. Ismail Haji Ibrahim sebagai Penyanggah Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin. Penyampaian watak pelantikan kepada penyanggah Kursi ini turut disempurnakan oleh KDYMM Sultan pada malam tersebut. Penyanggah Kursi yang dilantik memainkan peranan yang penting dalam memastikan perancangan jaringan penyelidikan, penerbitan dan aktiviti komuniti dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Penubuhan Kursi ini tidak hanya memberi manfaat kepada UniSZA sahaja, bahkan hasil penyelidikan dan aktiviti yang bakal dijalankan turut dapat membantu dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat, pemerkasaan sistem pendidikan dan pengembangan warisan serta ketamadunan Islam khususnya di negeri Terengganu. Segala urusan yang berkaitan dengan Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin ini dipertanggungjawabkan Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam UniSZA.

Pendaftaran Pelajar Siswazah

Pada 13 September 2015, Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah mengadakan sesi pendaftaran pelajar baharu yang melibatkan pelajar peringkat sarjana dan doktor falsafah. Sesi pendaftaran ini telah diadakan di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak.

Seramai 148 pelajar siswazah terdiri daripada 82 pelajar sarjana dan 66 pelajar doktor falsafah telah mendaftar. Seramai sembilan pelajar antarabangsa dari Nigeria, Guinea,

Syria, Yaman dan Pakistan turut mendaftar untuk mengikuti pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Bagi memudahkan proses pengajian di UniSZA untuk pelajar baharu, sesi taklimat oleh Dekan PPS, Prof. Dr. Mustafa Mamat; Pegawai Teknologi Maklumat, Encik Mohd Lokman Hamid; dan Pustakawan Perpustakaan UniSZA, Puan Nur Asyikin Lut Ahmad turut diadakan.

Bil.	Fakulti	Jumlah Mendaftar				Jumlah
		Tempatan		Antarabangsa		
		Sarjana	Doktor Falsafah	Sarjana	Doktor Falsafah	
1.	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam	33	28	3	1	65
2.	Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Sains Pengurusan	5	5	0	2	12
3.	Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa	1	1	0	0	2
4.	Fakulti Bahasa dan Komunikasi	4	7	0	0	11
5.	Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi	4	0	0	0	4
6.	Fakulti Informatik dan Komputeran	5	5	0	0	10
7.	Fakulti Biosumber dan Industri Makanan	7	1	0	1	9
8.	Fakulti Perubatan	2	0	0	1	3
9.	Fakulti Sains Kesihatan	2	1	0	0	3
10.	Fakulti Sains Sosial Gunaan	5	3	0	0	8
11.	Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI)	4	2	0	1	7
12.	Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE)	1	1	0	0	2
13.	Institut Pembangunan Komuniti dan Kualiti Hidup (i-CODE)	3	5	0	0	8
14.	AGROPOLIS	3	1	0	0	4
Jumlah		79	60	3	6	148

Sarjana Muda Undang-Undang UniSZA Dapat Pengiktirafan Penuh LKPUU

Pada 27 Oktober 2015, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah menerima pengiktirafan penuh daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang (LKPUU), iaitu sebuah badan profesional dalam bidang undang-undang di Malaysia. Kejayaan mendapatkan pengiktirafan ini amat ditunggu-tunggu oleh semua warga FUHA khususnya dan UniSZA amnya.

Pengiktirafan ini membolehkan para graduan Sarjana Muda Undang-Undang UniSZA diiktiraf sebagai

'orang berkelayakan' (*qualified person*) di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 dan dikecualikan daripada menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (PSAG). Ini membolehkan graduan terus menjalani latihan dalam kamar (*pupilage*) untuk menjadi seorang peguam dan menjawat jawatan sebagai pegawai di bawah skim 'L' dalam sektor perkhidmatan awam.

Kejayaan FUHA memperoleh pengiktirafan besar ini adalah hasil daripada usaha-usaha yang dilakukan bagi menambah baik program ini

dari semua aspek. Antara usaha penambahbaikan yang dilaksanakan adalah dengan melantik lebih ramai profesor adjung, profesor pelawat dan penilai luar; melantik pengamal undang-undang untuk mengajar kursus-kursus tahun akhir/profesional; mengemas kini silibus dan memperkenalkan kursus-kursus baharu.

Pengiktirafan merupakan satu kejayaan bersejarah dan amat bermakna buat semua pihak terutamanya pelajar FUHA.



Penerbit UniSZA dan Perbadanan Kota Buku Jalin Kerjasama



Umum mengetahui bahawa buku merupakan domain utama penyebaran ilmu. Kemodenan dan kecanggihan teknologi hari ini telah memberi impak yang besar ke atas penerbitan buku. Tidak hanya bersifat konvensional, tetapi buku kini sudah boleh dibaca menerusi alam maya.

Justeru, bagi memastikan Penerbit UniSZA tidak ketinggalan dalam menerbit dan memasarkan buku digital, satu usaha sama telah dijalankan dengan Perbadanan Kota Buku (Kota Buku). Kota Buku ialah sebuah pusat sehenti yang menghimpunkan pembaca, penulis dan penerbit untuk bertemu dan membantu mereka menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan dengan kegiatan perbukuan.

Kunjungan wakil Kota Buku, Encik Muhamad Ramzi Mohamed Khir ke Penerbit UniSZA pada 5 Oktober 2015 merupakan satu titik penting dalam usaha meningkatkan kerjasama penerbitan buku digital antara kedua-dua buah institusi. Penerbit UniSZA dimaklumkan bahawa setiap buku digital yang telah siap diatur huruf dan direka letak hanya mengambil masa 3-4 minggu untuk dimuat naik ke dalam Portal Kedai Buku. Namun begitu, proses ini masih tertakluk kepada perubahan semasa oleh Kota Buku.

Diskusi ini merupakan pemangkin kepada perluasan jaringan dan kerjasama antara Penerbit UniSZA dengan Kota Buku.



Penganugerahan Dua Bintang Emas Kepada Kumpulan KIK BRAVE

Pada 10 September 2015, bertempat di Resort World Sentosa Convention Centre, Singapura, sebanyak 60 buah kumpulan telah bersaing mempamerkan produk dan sistem masing-masing dalam pertandingan *International Exposition on Team Excellence (IETEX) 2015*.

Kumpulan BRAVE tampil mengenengahkan sistem Pendaftaran Pelajar Tinggal di Luar Kampus' (e-NR) yang telah mengalami evolusi sejak kali pertama diperkenalkan pada 27 Mac 2014. Melalui produk ini, kumpulan BRAVE berjaya merangkul anugerah dua bintang emas.

Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) BRAVE dianggotai oleh lapan orang peserta yang terdiri daripada Encik Mohd Rasyidin Ismail, Puan Nor Suhazlina Sulong, Encik Alias Mat Amin, Encik Shaiful Akmal Saliman @ Hamdan, Puan Asma' Md Jaafar, Encik Wan Fairul Fakhzan Wan Hassan, Encik Wan Omar Ali Saifuddin Wan Ismail dan Puan Noor Fazillah Mokhtar.



Selain kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh setiap ahli kumpulan, sokongan daripada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Dr. Nik Wan Omar dan Pengarah Kolej Kediaman UniSZA, Dr. Mohd Shahril Othman, Pejabat Pendaftar dan barisan fasilitator dari dalam dan luar UniSZA turut menjadi faktor kejayaan kumpulan BRAVE.

UniSZA Tandatangani MoU Bersama 27 Universiti



UniSZA menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan 27 universiti Indonesia dalam bidang berkaitan akademik yang menjurus kepada pengajian peringkat siswazah.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim, berkata melalui kerjasama berkenaan, universiti dari negara jiran itu akan menghantar pelajar mereka ke UniSZA bagi mengikuti pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Beliau berkata, kerjasama itu juga bukan hanya memperkenalkan UniSZA kepada penuntut negara luar sebaliknya memperkenalkan sistem pendidikan Malaysia kepada negara lain.

“Setakat ini, kira-kira 1,000 pelajar pelbagai negara mengikuti pengajian peringkat siswazah di sepuluh fakulti di UniSZA. Dengan MoU ini, kami harap dapat menarik lebih ramai pelajar luar negara melanjutkan pengajian peringkat siswazah di UniSZA,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Perasmian Kongres Sains Sosial Islam Sedunia (WISCC), di Pusat Konvesyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Kongres selama dua hari pada 1-2 Disember itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dasuki.

Kongres yang disertai oleh kira-kira 400 peserta dari pelbagai negara, termasuk Indonesia, Brunei Darussalam, Nigeria, Pakistan serta Iran itu melibatkan pembentangan 320 kertas kerja yang bertumpu kepada isu kemanusiaan, sosial dan kemiskinan masyarakat Islam sedunia.

Senarai universiti yang terlibat:

BIL	NAMA INSTITUSI
1	Universitas Mercu Buana
2	Universitas Muhammadiyah Purwokerto
3	Universitas Suryakencana (UNSUR)
4	Universitas Muhammadiyah Surabaya
5	Universitas Pekalongan (UNIKAL)
6	Universitas Muhammadiyah Gresik (UMG)
7	Universitas Muhammadiyah Palembang (UMP)
8	Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA)
9	Universitas Putra Indonesia (UPI-YPTK)
10	Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. Hamka
11	Universitas Muhammadiyah Sidoarjo
12	University of Maritine Raja Ali Haji
13	Sekolah Tinggi Ilmu Manajemen dan Ilmu Komputer ESQ (STIMIK ESQ)
14	Sekolah Tinggi Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Raja Haji
15	STIE Ahmad Dahlan
16	STIE Muhammadiyah Tanjung Radeb
17	Asosiasi Perguruan Tinggi Swasta Indonesia (APTISI)
18	Politeknik Negeri Lampung
19	Universitas Islam Sumatera Utara (UISU)
20	Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) Pembangunan Tanjung Pinang
21	Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Indonesia
22	Universitas Cokroaminoto Palopo (UNCP)
23	Amik Polibisnis Medan
24	Universitas Muhammadiyah Aceh
25	Universitas Pembangunan Panca Budi (UNPAB)
26	Potensi Utama University, Medan
27	Universitas Muhammadiyah Lampung

Sanjungan Kepakaran 2015

Budaya kejauharian dan pemerksaan bakat akademik dalam kalangan warga akademik UniSZA berkembang subur melalui Fasa Pemekaran, di bawah Pelan Transformasi UniSZA. Lebih manis lagi apabila ia dapat dimanfaatkan dan dikongsikan dengan pelbagai institusi luar. Ini dapat dilihat melalui penglibatan aktif sarjana UniSZA dalam program bersifat 'guna-pakar' sepanjang tahun 2015 antaranya ialah:

Profesor Pelawat

Bil	Nama	Fakulti/PTj	Lokasi
1	Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	Lampang Rajabhat University, Thailand University of Phayao, Thailand
2	Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan)	Universiti Islam Negeri Alauddin, Makassar Indonesia
3	Prof. Dr. D V Muralidhara	Fakulti Perubatan	Sri Siddhartha Medical College, Karnataka, India
4	Prof. Dr. Mustafa Mamat	Fakulti Informatik dan Komputeran	Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia
5	Prof. Dr. Nasir Mohamad	Fakulti Perubatan	American International University, Dhaka, Bangladesh Yenepoya University, Mangaluru, Kranataka, India

Saintis Pelawat

Bil	Nama	Fakulti/PTj	Program	Lokasi
1	Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan)	JSPS Asian CORE Program	Kyoto University
2	Prof. Dr. Che Abdullah Abu Bakar	Pejabat Pengarah Kampus Tembila	<ol style="list-style-type: none"> Current situation and development of food industry in Malaysia Food science and food processing Food safety Halal food (halal food global market, halal certification and halal food detection) 	University of Ningxia, China
3	Prof. Dr. Nasir Mohamad	Fakulti Perubatan	Consultant Emergency and Traumatology	Bayamedic for Oil and Gas Coverage
4	Prof. Madya. Dr. Hafizan Juahir	Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI)	<ol style="list-style-type: none"> Remediation of pollution from large point sources for Hiliran River, Kuala Terengganu Projek pembinaan pusat servis teknikal (STC) bagi penyelenggaraan dan pembaikan pesawat SU-30MKMT untuk TUDM, Pengkalan Gong Kedak, Terengganu 	<ol style="list-style-type: none"> Humid Tropic Center Division, Ministry of Natural Resources and Environment Pengkalan Tentera Udara (TUDM), Gong Kedak, Terengganu

Pemberi Ucaptama

Bil	Nama	Fakulti/PTj	Tarikh	Seminar/Persidangan	Tajuk Ucapan
1	Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	2 Oktober 2015	Melbourne International Business and Social Science Research Conference (MIBSRC) 2015	Destination Image of Malaysian Among European Tourist
			7 Ogos 2015	Kuala Lumpur International Business and Social Science Research Conference (KLBSRC)	The Potentials of Ecotourism in Malaysia
			15-16 Jun 2015	International Conference on Maqasid Al-Shari'ah in Public Policy and Governance	Spiritual Rehabilitation Drug Abusers: A MAQASID-Based Model
			8 Jun 2015	International Conference on Addiction Science: Holistic Approach to Misuse and Addiction Management (ICAS 2015) Universiti Sultan Zainal Abidin	Current Issues Regarding Abuse and Addictions: Maqasid Syariah Quality of Life Last Updated (I-QoL) Model among Spiritual Rehabilitation Drug Abusers
			21-25 Januari	International Colloquium Intercultural Learning and Community Engagement (ILCOME 2015)	Empowering the Community in Disaster Management
2	Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan)	24-26 Ogos 2015	Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan Institut Pendidikan Guru Malaysia 2015, IPGK Temenggong Ibrahim, Johor	Memperkasa Budaya Penyelidikan di IPT
			28 Mei 2015	Dialog Bencana Banjir 2014: Respons Dasar Tindakan dan Penyelidikan, Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara	Pengurusan Banjir Pasca Bencana
3	Prof. Dr. A. Manaf Ali	Fakulti Biosumber & Industri Makanan	31 Ogos – 2 September 2015	1st International Conference on Natural Products for Cancer Prevention & Therapy	Antileukemia Activity of Foniothalamine in WEHI-3B Myelomonocytic Leukemia Induced BALB/c Mice
			22-23 November 2015	The 8th Asian Network on Research on Antidiabetic plants International Seminar	Issues & Attributes of Ficus Deltoidea Jack (Mas Cotek) as Antidiabetic Medicinal Plants
4	Prof. Dr. Nasir Mohamad	Fakulti Perubatan	2015	International Conference on Addiction and S, UniSZA	Opiate Addiction and Therapy
5	Prof. Dr. Zainudin Awang	Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Sains Pengurusan	14-15 September 2015	1st International Conference on Business & Tourism (ICBT 2015)	The Second Generation Method of Data Analysis: The Issues, Changes and The Way Forward
6	Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam	4-6 Mei 2015	Seminar Penyelidikan Pendidikan, Inovasi & KIK Kebangsaan	Pelestarian Pendidikan: Antara Mengajar & Menyelidik
			27-29 Mac 2015	Konvensyen Guru Pendidikan Islam Sarawak	Menelusuri Tonggak Pendidikan Secara Vertikal Melalui Nas al-Quran
7	Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam	24 April 2015	Seminar Akidah dan Pemikiran Islam 2015	Kepincangan dan Penolakan Terhadap Fahaman Syiah

Penilai Luar

Bil	Nama	Fakulti/PTj	Lokasi	Program
1	Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	Universiti Utara Malaysia (Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business)	Semakan Semula Program 'Doctor of Business Administration'
2	Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan)	Universiti Malaya	Physical Geography
3	Prof. Dr. Izah Mohd Tahir	Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Sains Pengurusan	Universiti Utara Malaysia Universiti Utara Malaysia	Program Kewangan Islam Pembangunan Kurikulum dan Ijazah Program Kewangan Islam
4	Prof. Dr. Ahmad Puad Mat Som	Fakulti Sains Sosial Gunaan	Sentral College, Penang	External Academic Advisor School of Tourism and Hospitality
5	Prof. Dr. Nordin Simbak	Fakulti Perubatan	Universiti Metropolitan Asia, Selangor, Malaysia	Panel Penilai MQA
6	Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam	Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia International Islamic University Malaysia Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan	Semakan Semula Program Sarjana Pendidikan Bahasa Arab Anugerah Penerbitan Jurnal Berindeks & Tidak Berindeks, International Islamic University Research and Innovative Competition 2015 Kursus Asas Penyelidikan dalam Penyelidikan Kursus Penyelidikan dalam Pendidikan Program ISM Pendidikan
7	Prof. Dr. Abdul Malek Abdul Tambi	Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Sains Pengurusan	Kolej University Geomatika	Ahli Panel Penilai Program Master of Business Administration
8	Prof Madya Dr. Rahmah Mohd Amin	Fakulti Perubatan	Public Health Department, Penang Medical College (RCSI & UCD Irish Education) Elderly Health Technical Committee Chalred by Director General of Health, MOH	Penilai Luar Committee member
9	Prof. Madya Dr. Wan Norhayate Wan Daud	Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Sains Pengurusan	Universiti Tun Abdul Razak	Ahli Panel Penilai Program 'Bachelor of Business Administration (Insurance)'
10	Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam	Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah Al-Madinah International University	Pengerusi Panel Penilai MQA Pengerusi Panel Penilai MQA

UniSZA Cemerlang di NRIC 2015

UniSZA buat julung kalinya telah menghantar penyertaan ke Novel Research and Innovation Competition (NRIC 2015) yang berlangsung pada 15 – 18 Ogos 2015 di Universiti Sains Malaysia (USM). Program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (USM) ini telah menerima penyertaan daripada sebanyak 123 produk dari Universiti Awam (UA) dan Swasta seluruh Malaysia termasuk Thailand. NRIC 2015 merupakan satu platform kepada para pelajar di peringkat diploma dan ijazah tahun akhir untuk mempamerkan produk inovasi dalam bidang penyelidikan menerusi hasil penyelidikan, ciptaan dan inovasi projek tahun akhir mereka.

UniSZA dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) telah menghantar sebanyak 12 produk untuk dipertandingkan di NRIC Edisi 9 ini. Penyertaan sulung ini telah berjaya

merangkul satu pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa.

Produk *Citrul Noodle* hasil ciptaan Saudari Norhidayah Che Dahari dari Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah berjaya menggondol pingat emas dan anugerah *Creativity Award*, manakala, produk *MycroLYTE*, *Stevibun* dan *Image Steganography Using RSA and Diffie-Hillman Algorithm* hasil ciptaan Saudara Mohd Aiman Hamdan, Saudari Anis Mastura Ahmad Fuad dan Saudara Pang Kok An masing-masing telah meraih pingat perak. Dua pingat gangsa pula telah berjaya dirangkul oleh produk *Breast Cancer Risk Classifier Online Tool* dan *Kindergarten Table* ciptaan Saudari Noor Salsabila Amir Hamzah dan Saudara Muhammad Muizzuddin Md Ami.

Senarai peserta dan pemenang

Bil.	Nama Penyelidik	Fakulti	Nama Produk	Pingat dan Anugerah
1.	Mohd Aiman Hamdan	FBIM	MacroLYTE	Perak
2.	Anis Mastura Ahmad Fuad	FBIM	Stevibun	Perak
3.	Norhidayah Che Dahri	FBIM	CITRUL Noodle	Emas dan Creativity Award
4.	Pang Kok An	FIK	Image Steganography Using Rsa and Diffie Hillman Algorithm	Perak
5.	Nurul Afnan Mahadi	FIK	User Authentication Using Mouse Movement Behavioral Biometric	Tiada
6.	Muhamad Fadhil Aizad Alias	FIK	Secure Data Replication Between Three Database Servers Using Blowfish Encryption Algorithm With Lempel-Ziv Compression Technique	Tiada
7.	Siti Aminah Ahmad Sahrel	FIK	Grid Based Approach for Data Confidentiality	Tiada
8.	Noor Salsabila Amir Hamzah	FIK	Breast Cancer Risk Classifier Online Tool	Gangsa
9.	Nurul Syazwani Kamarulzaman	FIK	Personalized Data Encryption Using Advanced Encryption Standard (AES)	Tiada
10.	Mohamad Aliff Zulhelmi Tajudin	FRIT	AZ Baton	Tiada
11.	Muhammad Muizzuddin Md Ami	FRIT	Kindergarten Table	Gangsa
12.	Mohamad Azizuddin Ali	FRIT	Universal Step Stool	Tiada

ESP Programme with the Terengganu State Government

The second phase of the English Simulation Programme (ESP Phase II) was concluded with the presentation of the programme report to the State Secretary, Terengganu State Government on 10th of September 2015 at Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.

Five academic staff from the Faculty of Languages and Communication (FBK) prepared the module and facilitated the programme, which involved 113 participants from the Terengganu Government State Secretary Office.

Among the objectives of ESP PHASE II are to speak confidently with appropriate rate, projection, movement and vocal variety; design and deliver basic presentations; design and deliver impromptu and persuasive speech clearly; evaluate and critique speeches insightfully.

The ESP Phase II was planned and carried out in two parts: the workshop and the 3D/2N *Redang* Getaway. Part one of the ESP Phase II started with a 3-hour workshop on March 5th, 2015, which was conducted at Wisma Darul Iman. It was designed to introduce the objectives of Phase II as well as to instill self-confidence to speak to the public and to expose the participants to the

principles of public speaking. The ESP Phase II The 3D/2N *Redang* Getaway took place in a span of three months from March to May 2015 in three separate groups. The *Redang* Getaway was deliberately devised after the language camp style for the maximum impact of learning and enjoying the planned activities at the same time.

A series of activities was aimed at promoting self-confidence to speak in the English language. The Party Guests was the first activity intended to break the ice and let the participants to get to know one another, where the participants were supposed to identify certain party guests that fit a given description. In the second activity, the Talking Points, the participants played a giant size snakes and ladders style language game where they throw giant dice and land on a square with a simple topic for an impromptu speech and where have to speak non-stop for at least 30 seconds to proceed to win the game. Other activities included Sand Art Sculpture where they have to convince the judges why their groups' sand sculpture should be awarded the best sand art award. The Language Explore Race and in the last activity,



the *Redang* Extraordinaire, had each of the participants delivered an informative or persuasive speech based on their experience snorkeling at the *Redang* Island Marine Park.

Each speaking activity was calibrated for the time. During the first activity, they only had to speak non-stop for 30 seconds and in the subsequent activities, the time was increased to 2 and 3 minutes. During the last activity they delivered a 4 -5 minute speech successfully. In the public speaking delivery, it is worth noting that overall, the organisation of the points delivered showed the most improvement.

The success and culmination of the second phase of the English Simulation Program signify close cooperation between UniSZA and the Terengganu government.

Hari Penyelidikan FESP

Sejajar dengan hasrat UniSZA menjadi universiti komuniti, pihak pengurusan Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan (FESP) mengambil inisiatif dengan mengadakan Hari Penyelidikan FESP dengan tema FESP Pemangkin Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Program ini merupakan medium awal perkongsian kepakaran profesional yang ada di FESP untuk membantu usahawan PKS di Terengganu.

Program yang diadakan pada 13 September 2015 di Dewan Auditorium Perpustakaan juga merupakan satu inisiatif FESP ke arah memupuk budaya penyelidikan dalam kalangan staf akademik dan pada masa yang sama berperanan sebagai penyelesaian keperluan komuniti UniSZA.

Hari Penyelidikan ini turut memberi pendedahan kepada bakal penyelidik tentang suasana dan keperluan penyelidikan yang secara tidak langsung dapat menarik minat calon pascasiswazah supaya mendaftar di FESP.



FIK Meterai MoU bersama CyberSecurity Malaysia

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah memeterai satu memorandum persefahaman (MoU) dengan CyberSecurity Malaysia dalam usaha untuk meningkatkan penyelidikan bersama industri serta membantu dalam perkembangan akademik fakulti.

Majlis menandatangani MoU diadakan di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur pada 9 September 2015 sempena *Cyber Security Malaysia Awards, Conference & Exhibition (CSM-ACE2015)*.

Objektif utama pemeteraian MoU ini merupakan usaha fakulti bagi mengadakan kerjasama dengan industri dari aspek akademik, penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Selain itu, MoU yang ditandatangani ini juga memberi peluang lebih luas kepada warga FIK untuk mendapat pendedahan dan perkongsian aplikasi perisian reka bentuk dan teknologi perkakasan yang terkini serta pemindahan teknologi antara kedua-dua institusi.



Pemilihan CyberSecurity Malaysia dibuat berdasarkan hubungan dua hala yang terjalin sebelum ini. FIK dan CyberSecurity kerap bekerjasama dalam pengajaran latihan dan kursus untuk pelajar dan pensyarah di fakulti. Pihak CyberSecurity Malaysia juga mampu membantu menganjurkan kursus-kursus keselamatan siber

seiring dengan penawaran program Sarjana Muda (Keselamatan Rangkaian Komputer) di FIK.

Pemeteraian MoU ini sudah pasti akan memberi impak positif kepada FIK dan UniSZA umumnya.



Penggunaan aplikasi ICT dalam pembelajaran dan pengajaran mampu memudahkan proses penguasaan kemahiran ilmu serta meningkatkan kefahaman terhadap sesuatu bidang yang dipelajari.

Justeru, program *Information Technology for You (IT4U)* merupakan salah satu program yang dianjurkan oleh Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dalam usaha memberi khidmat kepada komuniti seterusnya merapatkan lagi jurang digital dengan masyarakat sekitar.

Information Technology for You (IT4U) - FIK Rapatkan Jurang Digital

Program yang telah dilaksanakan pada 31 Julai - 1 Ogos 2015 di FIK, ini melibatkan 23 buah sekolah menengah dari daerah Besut dan Setiu. Setiap sekolah diwakili oleh dua orang pelajar dan seorang guru.

Objektif utama pelaksanaan program ini ialah untuk menerangkan kepentingan dan peluang kerjaya dalam bidang ICT, mendedahkan para pelajar suasana universiti sebenar agar mereka teruja untuk menjadi warganya, serta merapatkan jurang digital dengan memberi kesedaran kepentingan ICT kepada para guru dan pelajar.

Pelaksanaan program ini dapat membantu para guru dan pelajar untuk merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kemudahan ICT dengan lebih berkesan dan efektif serta mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih menyeronokkan dan mencabar.



Kem Jejak Imam Muda

Seramai 45 peserta terdiri dari pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ibrahim Fikri, SMK Belara dan SMK Manir telah menyertai Kem Jejak Imam Muda di Masjid UniSZA. Kem ini diadakan pada 4 - 6 Ogos 2015 sebagai langkah persediaan kepada remaja dalam mengukuhkan pengetahuan mereka berkaitan solat berjemaah

serta tatacara sebagai seorang imam. Selain itu ia bertujuan meningkatkan pengetahuan tentang kewajipan solat lima waktu serta menghayati hikmah dan kelebihan menunaikan solat yang sempurna.

Majlis penyampaian sijil dan ucapan penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Islam UniSZA, Dr.

Mohd Shafiee Hamzah.

Penganjuran program ini mampu melahirkan generasi yang menegakkan syariat Allah dan menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah. Di samping itu, mereka juga menggalas tanggungjawab sebagai pelapis imam pada masa akan datang.

Kem Ibadat Pelajar Pendidikan Khas

Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri dengan kerjasama Pusat Islam UniSZA telah menganjurkan satu kem ibadat yang dihadiri oleh 61 orang pelajar lelaki dan perempuan aliran khas pada 29 Julai 2015.

Kem yang diadakan di Masjid UniSZA ini bertujuan memberikan pendedahan dan pemahaman kepada pelajar kelainan upaya iaitu pelajar yang pekak dan bisu berkaitan tanggungjawab manusia kepada Allah s.w.t.. Selain itu, penerangan berkaitan tatacara solat yang betul dan sah dari segi syarak untuk golongan ini juga diterangkan dengan lebih mendalam.

Kem ini telah dijayakan oleh penceramah dari Persatuan Kebajikan Pekak Terengganu, Ustaz Saifullah Yuslizam Yakar dan Imam Masjid UniSZA, Ustaz Wan Fajrulhisyam Wan Abdullah. Majlis penutup disempurnakan oleh Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri, Haji Razali Othman.

Hasilnya, rata-rata pelajar yang terlibat dalam program ini memberikan perhatian yang baik dan respons yang positif terhadap ceramah yang disampaikan serta amali yang



diterapkan. Program ini mampu menjadi titik tolak kepada kesinambungan matlamat utama untuk program yang seterusnya agar dapat melahirkan generasi kelainan upaya yang celik pengetahuan.

MoU UniSZA - KETENGAH



Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UniSZA dengan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) telah diadakan pada 25 November 2015 bertempat di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu. MoU itu ditandatangani oleh Naib Canselor UniSZA, Prof.

Datuk Dr. Yahaya Ibrahim bagi pihak UniSZA manakala KETENGAH diwakili oleh Pengurus Besar KETENGAH, Dato' Haji Wan Mat Amin Wan Daud. Mou ini disaksikan oleh Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif Abd. Rahman.

Menerusi MoU ini, kerjasama

akan dijalankan melalui bidang penyelidikan dan pembangunan, latihan industri, mobiliti dan sangkutan, pengajaran dan pembelajaran, pembangunan modal insan dan latihan, pembangunan agro pelancongan, serta bidang-bidang lain yang dipersetujui dari semasa ke semasa. Menerusi MoU ini, masyarakat sekitar serta para pelajar UniSZA turut mendapat manfaat selain daripada UniSZA dan KETENGAH.

Majlis itu turut dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Dato' Haji Osman Muda, Pegawai Kewangan Negeri Terengganu, Dato' Haji Wan Nawawi Wan Ismail, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Pengurusan UniSZA dan juga Pengurusan KETENGAH.

Kerjasama Antara UniSZA dengan MNA Research Sdn Bhd

Satu jalinan kerjasama antara UniSZA dengan MNA Research Sdn Bhd akan dilaksanakan melibatkan aspek pengurusan tenaga yang cekap dan berkesan serta mampu menjimatkan penggunaan elektrik di kampus-kampus UniSZA. Sesi perbincangan ringkas telah dibuat pada 12 Ogos 2015 di Jabatan Pengurusan Pembangunan (JPP) UniSZA bagi melihat ruang kerjasama yang boleh dilakukan pada masa hadapan.

MNA Research adalah sebuah syarikat bumiputera swasta yang menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pengkomersialan produk berasaskan tenaga iaitu penggunaan tenaga baharu, penyimpanan tenaga,

peranti jimat dan cekap guna tenaga serta sistem pengurusan tenaga berkomputer. UniSZA dan MNA Research akan menandatangani perjanjian penjimatan tenaga yang melibatkan tiga fasa utama. Fasa pertama melibatkan pengauditan tenaga, cadangan kuantum penjimatan dan mobilisasi peranti jimat tenaga, manakala fasa kedua mengoptimumkan sektor yang menggunakan tenaga yang tinggi seperti sistem hawa dingin, pemanasan air, pencahayaan dan lain-lain. Fasa ketiga pula melibatkan implementasi sistem pengurusan tenaga berkomputer agar kegunaan tenaga dapat dipantau oleh pengurusan dengan lebih berkesan.

Setelah pelaksanaan ketiga-tiga fasa disempurnakan, penjimatan sehingga 25 peratus dijangka diperoleh UniSZA. Sejalan dengan itu, UniSZA dapat meneroka bidang baharu dengan menjalankan aktiviti pembangunan dan penyelidikan bersama MNA Research di samping dapat mengkomersialkan produk-produk baharu keluaran UniSZA pada masa akan datang. Dengan termeterainya perjanjian ini, UniSZA secara tidak langsung telah mengambil langkah yang sewajarnya selari dengan Surat Pekeliling Am JPM Bil 2.2014 yang menggariskan langkah-langkah penjimatan tenaga yang optimum.

ENGLISH MOBILITY PROGRAMME 2015



The International Affairs Section, Corporate Communications and International Unit (CCIU) organised the English Mobility Programme which was held from 24th July 2015 – 19th August 2015.

The 16 students who participated in this mobility programme came from various Universities in Kazakhstan including Kazakh National Agrarian University, Egyptian University of Islamic Culture Nur-Mubarak and Almaty Technological University. The main objective of the programme was to enhance and increase English skills among the participants.

Two main activities carried out during the programme were in-class learning and off-campus activities. In class activities included basic learning skills such listening, speaking, public speaking, writing and grammar. Meanwhile, in order to expose students to culture and history, as well as to introduce interesting places in Terengganu, they were taken

to visit the Islamic Edutainment Park (TTI) and River Cruise, Setiu Wetlands & Terrapuri Resort, Kenyir Jungle Walk and a weekend getaway to Kapas Island.

The closing ceremony was held on the 18th of August 2015, at the Residential College Foyer UniSZA (Gong Badak Campus) and officiated by Prof. Dr. Mahadzirah binti Mohamad, Deputy Vice Chancellor (Academic & International). The Kazakhstan delegation performed their national song, traditional dances and read several poems during the ceremony.

Overall, the outcome of the programme was good, providing great exposure to the Kazakh students in theory and practice. Hopefully, other mobility programmes like this will continue to get full support from the university management in the future. This programme shows a very positive impact as two students from the mobility programme have already applied to continue their Master studies at UniSZA.



UniSZA Delegation Visits Oxford University and Signs MoU with Bangor University

In early September 2015, a delegation from UniSZA had a working visit to the United Kingdom which included among other activities, visiting several universities.

The delegation was headed by Vice Chancellor, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim and included UniSZA Board of Directors, Dato' Wira Dr. Ismail Ibrahim; Dean, Faculty of Law and International Relations, Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas; Director INSPIRE, Prof. Dr. Fadzli Adam; and Division Head, International Section, Corporate Communications and International Unit, Mr. Cornelius Anuar Abdullah McAfee.

Oxford University was the first institution to be visited. The main focus here was to build ties with the Oxford Centre for Islamic Studies. Discussions were held with Director, Dr. Farhan Ahmad Nizami, surrounding the possibility of closer relation between our institutions, particularly with our Faculty of Islamic Contemporary Studies and our Research Institute for Islamic Products and Civilization. A visit was also made to the Centre's new home currently under construction. The new Centre has received strong financial support from the Malaysian government.

Bangor University in Wales was



visited next where a Memorandum of Understanding (MoU) was signed. The Faculty of Law and International Relations initiated this new link for UniSZA which will lead to better cooperation between our institutions in the hopes that expertise can be shared and students and staff can benefit from easy exchanges. Bangor University is well known for its research in law related matters and we are proud to have such a strong partnership with them.

The multi-purpose trip included a courtesy visit with the Malaysian High Commissioner to the United Kingdom, Dato' Ahmad Rasidi Hazizi. Time was also spent with Education Malaysia staff in discussions on promoting UniSZA to potential graduate students wanting to study in Malaysia.

At Malaysia Hall, walk-in interviews were held with candidates from the United Kingdom interested in teaching at UniSZA. Also in London, a day was spent with UniSZA academic staff currently studying throughout the UK. The session focused on presentations, whereby staff updated the delegation on their current progress. Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim was pleased with the performance of the staff thus far, and supported their efforts and motivated them to continue to strive for excellence.

The delegation also took time to visit Chicken Cottage at their flagship halal restaurant in London. Chicken Cottage, with over 150 outlets worldwide, is owned by the Terengganu State Government. UniSZA is in the midst of finalising a MoU involving AGROPOLIS that seeks our expertise in food production, quality and halal certification. Senior Vice President for Chicken Cottage Global Business Development, Mr. Lim Nasrul Halim briefed the UniSZA delegation.

The visit, while short, managed to achieve much. It is hoped that the efforts initiated will begin to show results as the relevant UniSZA faculties and institutes follow through on the discussions held in the United Kingdom.





ICL2015 at a GLANCE

The International Conference on Languages (ICL) is the result of the Memorandum of Understanding (MoU) between Universiti Sultan Zainal Abidin and the Prince of Songkla University, which was signed on 11 November 2011.

The first conference was held in Phuket, Thailand on 16-17 November 2013 while this year ICL 2015 was held on 10-11 October 2015 at Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. The theme this year was 'Striving for Excellence: Overcoming Challenges in Language Teaching, Learning and Research'.

The host, Faculty of Languages and Communication successfully organised this conference which gathered more than 100 presenters from all over world, including France, Sri Lanka, Indonesia, India, Philippines, Thailand, Iran, Palestine and many more.

The conference aimed to bring together experts from various fields and subfields of language in order to deepen awareness of current research and experience. Presenters covered more

than 20 fields and subfields in language, linguistics and literature.

The conference was officiated by UniSA Board of Directors Chairman, Tan Sri Dato' Haji Alimuddin Haji Mohd Dom. The VIPs who graced the opening ceremony included Deputy Vice Chancellor (Academic & International), Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad, Assistant for President for International Affairs and Research, Asst. Prof. Dr. Montira Leelakriangsak, Dean of the Faculty of Languages and Communication and also the conference Chairman, Prof. Dato' Dr. Hj. Mohamed Anwar Omar Din and also Asst. Prof. Dr. Parit Yinsen, Dean, Faculty of Humanities and Social Sciences from the Prince of Songkla University.

Two notable keynote speakers presented at the conference, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid who delivered an invigorating speech on the 'Holistic Approaches to Understanding the Human Language Capacities (Logos and Glossa): Mastering Breakthroughs in Language

Teaching and Learning'. Asst. Prof. Dr. Amon Saengmanee spoke about 'The Teaching of English Pronunciation in Thailand: My Challenging Experience'.

ICL 2015 came to its closure with the reading of the conference resolution by the conference chairman. Among the resolutions highlighted during the closing speech were the theories and practices in English language learning and teaching. Both should be postulated and integrated with technological advancements in order to produce a generation of independent and active students.

The conference received positive feedback from both presenters and participants. Among the comments were that ICL was a well-organised conference which successfully gathered educators and researchers on language under one roof.

The next conference will be held in Chiang Mai in 2017.





Kunjungan Delegasi PSU ke UniSZA

UniSZA telah menerima kunjungan delegasi dari Prince of Songkla University (PSU) pada 20 September 2015. Kunjungan ini adalah bagi mewujudkan jalinan ukhuwah dalam kalangan para pelajar dan kakitangan serta memantapkan jaringan hubungan yang telah dimeterai dalam memorandum persefahaman antara kedua-dua buah universiti. Delegasi ini terdiri daripada 120 pelajar pelbagai jurusan dan sepuluh orang kakitangan PSU.

Satu sesi perkongsian ilmu telah diaturkan oleh Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE), UniSZA bagi meraikan kunjungan delegasi ini. Timbalan Pengarah INSPIRE, Prof. Madya Dr. Syed Hadzrulathfi Syed Omar telah menyampaikan ucapan aluan dan meraikan kedatangan delegasi daripada PSU yang diketuai oleh Pen. Prof. Dr. Suthisak Duereh. Beliau juga menyampaikan hasrat INSPIRE untuk mengadakan kunjungan balas ke Thailand yang turut disambut baik oleh pihak PSU.

Sesi perkongsian ilmu tersebut telah diadakan di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA dengan menampilkan penceramah tersohor iaitu Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah yang juga merupakan Felo Penyelidik Utama INSPIRE. Beliau telah berkongsi pengalaman peribadi sebelum dan selepas beliau menganut ajaran Islam di awal ceramahnya. Beliau juga menyatakan perbezaan antara cara

tadbir urus kemasyarakatan antara Malaysia dengan Thailand.

Malaysia menekankan konsep *multicultural in diversity* manakala Thailand pula lebih menekankan *multicultural in unity*. Contohnya di Malaysia, rakyat bebas menggunakan bahasa atau dialek berdasarkan bangsa masing-masing dan mempunyai sistem pendidikan yang pelbagai seperti Sekolah Jenis Kebangsaan yang menggunakan bahasa perantaraan Tamil atau Cina, manakala di Thailand, kerajaan lebih menekankan penerapan nilai satu bangsa iaitu semua rakyat adalah orang Thai atau Siam dan bukannya mengikut etnik kelahiran.

Selain itu, tayangan montaj berkenaan perkembangan Islam dan kepelbagaian budaya yang diamalkan di Malaysia juga diselitkan semasa sesi ceramah beliau. Montaj tersebut juga menggambarkan sejarah perkembangan KUSZA-UDM-UniSZA beserta bidang-bidang pengajian yang ditawarkan di UniSZA.

Para pelajar dan kakitangan UniSZA turut mengambil peluang dalam menghadiri sesi perkongsian ini. Pelbagai soalan telah diajukan kepada Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah sewaktu sesi pertanyaan yang berlangsung hampir sejam. Di akhir perkongsian, beliau menekankan agar kefahaman tentang kepentingan perpaduan dan kepelbagaian dalam masyarakat dapat dijiwai dan diselarikan dengan peredaran masa dan nilai sesebuah bangsa.



Kunjungan Pakar Kimia Struktur dan Kejuruteraan Kristal ke UniSZA

Bagi merealisasikan visi UniSZA menjadi universiti pilihan tersohor di persada dunia, Fakulti Perubatan (FP) telah menerima lawatan daripada Prof. Ian Scowen dari University of Lincoln, United Kingdom. Beliau adalah pakar yang disegani dan sering dirujuk terutamanya dalam bidang kimia struktur dan kejuruteraan kristal. Beliau juga memegang jawatan sebagai Ketua Pusat Pengajian Kimia di universiti tersebut.

Lawatan beliau ke Malaysia adalah untuk berkongsi dan meneroka peluang penyelidikan antara United Kingdom dengan Malaysia. Bagi melestarikan tujuan tersebut, beberapa siri kunjungan syarahan ke beberapa universiti tempatan di Malaysia telah diadakan pada 24 Ogos - 4 September 2015. UniSZA amat bertuah kerana terpilih dalam siri kunjungan beliau. Antara universiti yang dipilih adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Program syarahan ini telah dianjurkan oleh pihak FP pada 1 September 2015 bertempat di Dewan Teater, FP. Dalam syarahan tersebut, beliau menyampaikan ceramah tentang 'A new Chemistry at the University of Lincoln: Employer Engaged



Chemistry as a Template for 21st Century Higher Education'. Program ini telah dihadiri oleh seramai 30 orang termasuk ahli akademik dan pelajar. Antara yang hadir adalah Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah, Timbalan Dekan Akademik, dan Dekan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) serta Fakulti Sains Kesihatan (FSK).

Majlis syarahan tersebut kemudiannya disusuli dengan perbincangan meja bulat. Dekan FBIM, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah FP serta Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif turut serta dalam perbincangan tersebut. Perbincangan tersebut lebih menjurus kepada peluang untuk mengadakan kerjasama penyelidikan dan penempatan pelajar pada masa akan datang.



Tujuh tenaga pengajar dari Madrasah Darussalam, Tanjung Mas, Narathiwat, Selatan Thailand telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Islam UniSZA pada 11 Ogos 2015.

Kunjungan ini bertujuan untuk mengetahui fungsi Pusat Islam UniSZA serta perkongsian berkaitan aktiviti atau program-program berbentuk kerohanian khusus untuk kanak-kanak dan remaja seperti Kem Gilap Potensi Remaja, Kem Imam Muda dan Kem Solat.

Peserta lawatan yang terlibat memberi maklum balas yang positif dan berterima kasih kepada Pusat Islam UniSZA kerana sudi menerima kunjungan ini.

Program-program ini dapat merapatkan lagi ukhwah dan berkongsi idea antara warga UniSZA dengan pusat-pusat pengajian yang lain.

Lawatan Madrasah Darussalam ke UniSZA



Projek Penyelidikan Khas - Menyingkap Rahsia Dua Dunia: Moderniti Dan Tradisi Komuniti Di Sulawesi Selatan



Satu projek penyelidikan khas telah dijalankan oleh UniSZA dan Universitas Islam Negeri (UIN) Alauddin Makassar pada 10 - 16 Jun 2015 di Makassar, Sulawesi Selatan. Projek penyelidikan khas ini merupakan satu usaha dalam menyahut kelangsungan idea Menteri Pendidikan Malaysia yang menyarankan keperluan program komuniti antara universiti dengan masyarakat setempat sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Projek penyelidikan yang memperoleh dana dari luar dan dalam universiti ini diketuai oleh Naib Canselor UniSZA Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim. Turut sama dalam penyelidikan ini ialah penyelidik-penyelidik dari UniSZA serta penyelidik dan pelajar pascasiswazah dari UIN Alauddin Makassar. Mereka yang terlibat adalah daripada pelbagai bidang termasuk agama, pengurusan, alam sekitar, undang-undang antarabangsa, antropologi, pelancongan, bahasa dan budaya serta teknologi.

Penyelidik daripada UniSZA terdiri daripada Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad, Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman, Prof. Datin Dr. Norsiah Ahmad, Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said, Prof. Dato' Dr. Mohamed Anwar Omar Din, Prof. Dr. Ramle Abdullah, Prof. Ir. Dr. Mohd Rizon Mohamed Juhari, Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dan Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh.

Delegasi penyelidik UniSZA dan UIN Alauddin Makassar telah mengadakan ekspedisi ke beberapa tempat industri perkapalan Pinisi serta mengkaji budaya Bugis di beberapa buah komuniti di Sulawesi Selatan serta di tempat-tempat penting yang lain seperti:

1. Kawasan Industri Kapal Rakyat Bonto Bahari
2. Kawasan Industri Kapal Tanjung Bira
3. Universitas Hasanuddin di Makassar
4. Masyarakat Kajang, Sulawesi Selatan



Hasil daripada projek penyelidikan khas ini akan diterbitkan dalam bentuk buku ilmiah dan buku ilmiah Projek penyelidikan ini sedikit sebanyak menyingkap secara khusus faktor persekitaran di Makassar dan Nusantara yang menyumbang kepada penghijrahan masyarakat Bugis. Selain itu, turut dinyatakan tentang sistem kelautan yang membantu masyarakat Bugis yang memang terkenal sebagai pakar pelayaran ulung di Nusantara. Profil pantai, sungai dan corak fizikal ombak dan arus yang menyokong kehebatan kapal Pinisi Bugis turut dibincangkan.

Penyelidikan ini dilaksanakan sebagai satu eksplorasi budaya yang melibatkan kumpulan etnik di luar Malaysia. Hasil kajian bukan sahaja dapat menyumbang kepada perkembangan dunia akademik, malah dapat menunjukkan persamaan dan keunikan budaya kaum-kaum yang terdapat di rantau ASEAN.



Hari / Tarikh	Aktiviti
Hari Pertama / 11 Jun 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Pembahagian penyidik dari UIN Alauddin Makassar. • Bertolak ke Bira, Bulukumba. • Perjumpaan dengan Ketua Daerah Bira, Bulukumba. • Malam – taklimat penyidikan oleh Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim.
Hari Kedua / 12 Jun 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Penerokaan penyidik ke industri pembuat kapal Pinisi di Kg. Bira. • Rakaman dokumentari kapal Pinisi oleh krew dokumentari iaitu Prof. Madya Dr. Abdullah Sani Kamaluddin, Dr. Hisham Omar dan En. Nuruddahri Alias. • Temu ramah penduduk oleh Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim dan Prof. Datin Dr. Norsiah Ahmad berkenaan aktiviti ekonomi seperti menenun kain, berniaga di pasar, menangkap ikan dan lain-lain. • Malam – pembentangan dan perbincangan kajian oleh para penyidik.
Hari Ketiga / 13 Jun 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Penyidik diketuai oleh Prof. Dr. Kamaruddin M. Said, Prof. Dr. Ramle Abdullah, Prof. Datin Dr. Norsiah Ahmad, dan Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh ke perkampungan Kajang di Desa Tana Toa, Kajang bersama pembantu penyidik. • Prof. Madya Dr. Abdullah Sani Kamaluddin, Dr. Hisham Omar dan En. Nuruddahri Alias merakam suasana kapung dan perkapalan di Kg. Bira sekali lagi. • Malam: <ul style="list-style-type: none"> ■ Temu ramah oleh Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, Prof. Dr. Ramle Abdullah, Prof. Dato' Dr. Mohamed Anwar Omar Din, Prof. Madya Dr. Abdullah Sani, Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh dan En. Nuruddahri Alias bersama pembuat kapal Pinisi di Kg. Bira iaitu Hj. Baso Daeng Tayang. ■ Pembentangan dan perbincangan kajian oleh para penyidik
Hari keempat / 14 Jun 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Rakaman ritual membuat kapal Pinisi di Kg. Bira dirakam oleh krew dokumentari iaitu Prof. Madya Dr. Abdullah Sani Kamaluddin, Dr. Hisham Omar dan En. Nuruddahri Alias. • Bertolak ke Makassar.
Hari kelima / 15 Jun 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan penyidik UniSZA bersama Timbalan Rektor dan kakitangan UIN Alauddin Makassar. • Bertolak pulang ke Malaysia.



Lawatan Akademik ke Universiti Swasta di Medan

Satu lawatan akademik ke beberapa buah universiti di Medan, Indonesia telah diadakan pada 17 - 20 Ogos 2015 diketuai oleh Penolong Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Mohd Razali Agus dan diiringi oleh Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Prof. Dr. Mustafa Mamat, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Dr. Fatma Susilawati Mohamad dan Penolong Pegawai Tadbir PPS, Puan Hairu Haryana Mamat.

Kunjungan ini bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dan kolaborasi akademik dengan universiti di Medan. Antara universiti yang sempat dilawati adalah Universitas Islam Sumatera Utara, Universitas Sari Mutiara, Universitas Prima Indonesia, Universitas Medan Area, Universitas Sumatera Utara dan Universitas Al Washliyah. Sebanyak tiga Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani bersama Universitas Sari Mutiara, Universitas Prima Indonesia dan Universitas Medan Area.

Lanjutan daripada lawatan akademik yang telah diadakan pada bulan Ogos 2015, lawatan akademik ke universiti swasta di Medan kali ke-2 juga telah diadakan pada 31 Ogos - 4 September 2015 yang juga diketuai oleh Penolong Naib Canselor UniSZA. Lawatan tersebut turut disertai oleh Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Prof. Dato' Dr. Mohamed Anwar Omar Din dan Dekan Fakulti Sains Sosial Gunaan, Prof. Dr. Ahmad Puad Mat Som. Antara universiti yang dilawati ialah Universitas Simalungun, Universitas Darma Agung, Universitas Amir Hamzah dan Universitas Muslim Nusantara Al Washliyah.



Lawatan akademik ini bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dan kolaborasi akademik antara universiti-universiti swasta di Medan dengan UniSZA. Hasil daripada lawatan tersebut, tiga MoU telah dimeterai yang melibatkan Universitas Simalungun, Universitas Muslim Nusantara Al Washliyah dan Universitas Amir Hamzah. MoU tersebut meliputi penawaran kursus sarjana dan doktor falsafah kepada staf dan pelajar Indonesia, membangun kerjasama akademik dan penyelidikan antara UniSZA dengan universiti di Wilayah Sumatera Utara serta menjalankan perkongsian ilmu, kemahiran, dan sumber dalam bidang-bidang berkaitan.

Seni Rentas Sempadan

Fakulti Seni Reka dan Teknologi Kreatif (FSTK) mewakili UniSZA ke Pameran Seni Lukis yang dianjurkan oleh Yala Rajabhat University (YRU) Thailand pada 17 - 21 Ogos 2015.

Buat julung kalinya FSTK telah diundang menyertai pameran tersebut. Jemputan kepada delegasi FSTK ini memberi seribu satu makna bukan sahaja dapat menimba pengalaman, tetapi juga dapat bertukar-tukar pandangan ke arah memperkasa bidang seni lukis dalam merealisasikan sebagai satu subjek yang diajar di FSTK dan YRU.

Tujuan utama pameran ini diadakan adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada pensyarah YRU mempamerkan karya seni lukis mereka kepada pengunjung serta para pelajar dari YRU dan pelajar asing yang diundang khas.

Pameran ini dapat menterjemahkan

hasil karya dalam pelbagai seni lukis dengan nilai-nilai tertentu kepada masyarakat kampus dan komuniti yang mencintai seni.

Delegasi FSTK diketuai oleh Prof. Madya Dr. Abdullah Sani Kamaluddin, yang merupakan pensyarah dalam bidang seni lukis. Beliau turut menampilkan sepuluh karya seninya melibatkan lukisan seni bina rumah tradisional Terengganu dan Kelantan.

Majlis perasmian pameran disempurnakan oleh Presiden YRU, Prof. Dr. Sombat Yotathip. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Gabenor Daerah Yala, Samart Waradisai yang juga berminat terhadap seni lukis



yang dihasilkan oleh FSTK dan turut melahirkan rasa teruja bagi mengetahui perkembangan akademik UniSZA.

Menerusi pameran ini FSTK dapat membuka satu lembaran kerjasama dua hala antara UniSZA dengan YRU dalam merintis pencapaian akademik secara holistik.

Malaysia 2, Thailand 1 UniSZA Tempa Sejarah

Selepas merangkul kejuaraan dalam Kejohanan Bola Sepak Liga Institusi Pengajian Tinggi Divisyen 1, Pasukan Bola Sepak UniSZA layak untuk beraksi dalam Kejohanan Sukan Tahunan Malaysia-Thailand yang berlangsung di Chiang Mai.

“Kita yakin dapat mencapai kejayaan sekali lagi sekiranya pemain kekal mempamerkan corak dan aksi konsisten,” ujar Pengurus Pasukan, Encik. Muzafar Mohd Din.

Jurulatih pasukan, Encik Zulharisam Awang menyatakan bahawa pasukannya mampu memberi saingan hebat dalam perlawanan tersebut walaupun kehilangan beberapa tonggak utama. Pasukan Bola Sepak UniSZA ternyata berbisa kerana merangkul kejuaraan tersebut selepas menumbangkan wakil universiti terbaik Thailand dengan keputusan 2-1.

Kejayaan ini telah memberi suntikan semangat kepada pihak



pengurusan sukan dan pemain untuk mempertahankan kejayaan yang dikecapi pada tahun hadapan. Kemenangan ini amat bermakna sekali gus mencipta satu sejarah yang manis apabila menjuarai kejohanan ini buat kali pertama. Kejayaan ini merupakan hasil komitmen semua pemain yang telah mempamerkan semangat perjuangan yang kental, motivasi dan disiplin yang tinggi.



Beregu Lelaki Raih Gangsa

Pasukan beregu lelaki badminton UniSZA yang diwakili oleh Saudara Ahmad Ahsan Syarafi Rahmad dan Saudara Muhammad Sayyidan Muhammad telah berjaya meraih pingat gangsa. Pemain perseorangan pula terpaksa berpuas hati setelah kecundang pada peringkat suku akhir. Pasukan badminton UniSZA telah menyertai Kejohanan Badminton IPT 2015 yang berlangsung di Universiti Malaya pada 30 September-4 Oktober 2015. Penyertaan ke pertandingan ini bertujuan memberi pengalaman untuk pasukan badminton UniSZA agar dapat meningkatkan penapaian mereka di peringkat kejohanan badminton kebangsaan.



Karnival Sukan Wanita 2015

Pusat Sukan dan Rekreasi, UniSZA telah menganjurkan satu program kejohanan sukan untuk para pelajar wanita mengikut blok kediaman pelajar, terdiri daripada Kolej Kediaman Kampus Gong Badak, Kampus Tembila dan Kampus Perubatan. Karnival Sukan Wanita 2015 ini berlangsung dari 22 - 24 Oktober 2015.

Acara yang dipertandingkan ialah bola jaring, bola tampar, bola baling, badminton, ping pong, futsal dan *woodball*. Bagi acara bola jaring, juara telah disandang oleh pasukan Blok D, manakala naib johan dimenangi oleh pasukan Tembila B. Pasukan dari asrama MAIDAM dan Blok G pula berkongsi tempat ketiga.

Acara bola tampar pula telah dijuarai oleh pasukan Tembila B. Pasukan ini dengan gah berjaya menundukkan

pasukan Blok I pada peringkat akhir. Pasukan dari Blok UU dan Khawarizmi yang masing-masing kalah pada peringkat separuh akhir hanya mampu berpuas hati dengan merangkul tempat ketiga secara bersama.

Pasukan dari Farabi pula menjadi juara bagi acara bola baling selepas berjaya menundukkan pasukan Tembila A yang merangkul naib juara. Untuk tempat ketiga dimenangi oleh pasukan dari Blok H dan Blok UU.

Selain itu, acara ping pong telah dijuarai oleh pasukan Blok UK, manakala naib juara pula telah disandang oleh pasukan Blok E. Tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Blok C dan Juwairiah.

Untuk acara futsal pula, pasukan dari Tembila A amat berpuas hati apabila dinobatkan sebagai juara selepas

berhempas pulas menandingi pasukan Blok D pada peringkat akhir. Pasukan Blok UK dan Tembila B masing-masing hanya mampu merangkul tempat ketiga selepas tewas pada peringkat separuh akhir.

Pasukan dari Biruni dengan bergaya memenangi acara *woodball* untuk karnival sukan kali ini. Pasukan Juwairiah pula merangkul naib juara, sementara tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Saodah dan Blok C. Penganjuran karnival sukan seperti ini menjadi satu wadah untuk merapatkan ukhuwah sesama mahasiswa UniSZA.



Kejohanan Olahraga dan Tenpin Bowling MASUM 2015

Pasukan Olahraga dan Tenpin Bowling UniSZA telah menyertai Kejohanan Olahraga dan Tenpin Bowling MASUM 2015 yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pasukan dan atlet yang terlibat.

Kejohanan kali ini diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan acara Tenpin Bowling berlangsung di Endah Parade. Seramai 33 orang atlet dan pegawai menyertai kejohanan ini dari 30 September - 4 Oktober 2015.

Pasukan Olahraga UniSZA telah mengakhiri Kejohanan Olahraga MASUM 2015 dengan pungutan tiga pingat perak dan enam pingat gangsa. Acara yang menyumbang pingat perak ialah Lempar Cakera Lelaki, Lompat Tinggi Lelaki dan Lompat Jauh Lelaki.

Pingat gangsa pula dimenangi menerusi acara Lompat Kijang Wanita, Lontar Peluru Lelaki, 4 x 400m Wanita, 10,000m Jalan Kaki (Lelaki), 10,000m Jalan Kaki (Lelaki) dan 3,000m Halangan (Lelaki). Pasukan Tenpin Bowling pula hanya mendapat satu pingat gangsa. Penyertaan pasukan dari UniSZA dalam pertandingan ini diharap dapat memberi pengalaman kepada para atlet UniSZA, selain ia dapat menjadi satu platform terbaik untuk meningkatkan pencapaian dalam kejohanan-kejohanan sukan pada masa akan datang.



Sukan Sempena Pesta Konvokesyen Kali ke-7



Satu penganjuran program sukan telah diadakan sempena Pesta Konvokesyen kali ke-7. Acara sukan ini telah berlangsung selama tiga hari iaitu dari 15-17 Oktober 2015. Antara acara sukan yang dipertandingkan ialah kejohanan futsal terbuka UniSZA, bola jaring terbuka UniSZA dan kejohanan bola sepak lima sebelah bawah 12 tahun. Acara pertandingan mewarna juga turut diadakan bagi kategori umur 4-9 tahun untuk memeriahkan lagi pesta konvokesyen kali ini.

Sebanyak 35 buah pasukan yang

menyertai kejohanan futsal terbuka. Pasukan Gelombang B gah menjuarai kejohanan futsal terbuka kali ini dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM2,000. Pasukan Gelombang A pula hanya mampu merangkul kedudukan naib juara. Tempat ketiga disandang secara bersama oleh pasukan DJ Square A dan Sedi Team FC.

Untuk kejohanan bola jaring pula, hanya sepuluh pasukan yang menyertainya. Acara ini telah dipertandingkan selama dua hari. Juara untuk acara ini disandang oleh pasukan

Comby. Pasukan MAYT KTRG pula hanya mampu berpuas hati dengan kedudukan tempat kedua. Tempat ketiga pula disandang oleh pasukan tuan rumah UniSZA A dan Aqesa.

Kejohanan bola sepak lima sebelah pula telah disertai oleh 36 pasukan. Antara pasukan yang menyertai kejohanan ini adalah dari sekolah dan kelab. Bagi kategori ini hanya peringkat umur bawah 12 tahun sahaja yang dipertandingkan.






Pesilat UniSZA Rangkul Emas

Pasukan Pencak Silat UniSZA yang majoritinya dibarisi oleh atlet silat negeri Terengganu telah menyertai Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri 2015 yang berlangsung di Berjaya Megamall, Kuantan, Pahang bermula pada 16 - 20 September 2015. Seramai 25 orang atlet dan pihak pengurusan terlibat dalam pertandingan ini.

Pesilat Ahmad Rashdan Shariff yang mewakili UniSZA dalam kategori Olahraga Kelas A Putra telah berjaya menyertai perlawanan peringkat akhir seterusnya merangkul pingat emas dalam kategori ini.

Bagi kategori Olahraga Kelas D Putra yang diwakili oleh Saudara Mohd Fitri Kamaruddin, beliau turut berjaya melayakkan diri ke perlawanan akhir serta meraih pingat perak dalam kategori tersebut. Saudari Nurul Ainil Afifah Alias berjaya menerima pingat perak dalam kategori Olahraga Kelas B Putri. Pingat perak yang terakhir disumbangkan oleh Saudara Mohd Asikin Che Ahmad dalam kategori Seni Jurus Tunggal Putra.






Tourism Development and Community Change

Author: Yahaya Ibrahim
ISBN 978-967-0899-01-5

Abstract

When development on an isolated location occurs, it will inevitably impact the local community and its environment. This book addresses tourism and impending consequence of marginalisation on a local community in Redang Island who have long yearned for development. Rooted in academic research and field work on the Redang Island community, this book explores the impact of development contributed by foreign developers and investors who deem the island a “gold mine”. This study found that tourism development has brought nothing but exploitations, which has resulted in an imbalance of wealth distribution. Despite the various potential opportunities that come with development, nevertheless, without the right expertise and with scarce resources, the local community become helpless in the midst of a major transformation, deriving little benefit from development in its truest sense.



Manhaj Kesufian Tok Ku Paloh

Penulis: Zawawi Yusoff, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi
ISBN 978-967-0899-02-2

Abstrak

Buku ini adalah sebuah kajian pensejarahan yang menghuraikan peranan seorang tokoh ulama terkenal, iaitu Tok Ku Paloh yang telah mencipta era kegemilangan di negeri Terengganu. Buku ini membicarakan biodata lengkap Tok Ku Paloh dan sejarah perjalanan hidupnya sebagai tokoh sufi dalam menyampaikan dakwah kesufian di negeri Terengganu di samping sumbangannya yang besar dalam mencorakkan kefahaman sufi melalui kitabnya *Ma'arih al-Lahfan*. Buku ini juga membahaskan secara panjang lebar tentang isi kandungan kitab *Ma'arih al-Lahfan* yang mengetengahkan manhaj kesufian Tok Ku Paloh dalam aspek pendekatan tasawufnya dan kesesuaian aplikasinya pada masa kini. Buku ini sangat sesuai untuk tatapan dan bacaan ahli akademik, para pengkaji, dan masyarakat awam yang ingin mengetahui secara mendalam penglibatan dan peranan Tok Ku Paloh dalam institusi sosial, pendidikan Islam, kesultanan dan dakwah kesufian di negeri Terengganu.



Akidah dan Isu Sosial Menurut Islam

Penulis: Engku Ahmad Zaki Engku Alwi
ISBN 978-967-0899-06-0

Abstrak

Buku ini membuka ruang kepada perbincangan ilmu dan cuba merungkai kekeliruan yang sering diketengahkan, terutamanya berhubung ibadat dan tatacara kehidupan beragama. Huraiannya ringkas tapi padat, memudahkan kefahaman setiap lapisan masyarakat. Buku ini mengupas isu-isu akidah yang tercetus dalam kehidupan harian masyarakat Islam. Sejak berzaman, para rasul yang diutuskan walaupun membawa syariat yang berbeza tetapi persoalan akidahnya tetap sama iaitu mengesakan Allah s.w.t.. Akidahlah yang menentukan kebahagiaan insan di dunia dan akhirat. Antara persoalan yang dikemukakan ialah persoalan murtad, *tawassul*, kepercayaan yang karut dan dialog persefahaman. Setiap topik dikupas berlandaskan hujah al-Quran, al-Sunnah dan tafsir para cendekiawan Islam.